



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS
TAHUN 2010



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010


NEGERI PERLIS



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah Dan Galian & Jabatan Perhutanan Negeri Perlis Pengurusan Emolumen Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Perlis	3
Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air Pengurusan Pengebilan Air	9
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis Rancangan Tebatan Banjir	20
Majlis Perbandaran Kangar Sistem ePBT	38
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar	49
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	59
Yayasan Islam Perlis IPTIPs Sdn. Bhd.	
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis Pens Industries Sdn. Bhd.	72
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	89
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	89
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2009	90
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis	91
PENUTUP	95



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.


2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 buah Jabatan, sebuah Agensi dan 2 buah Syarikat Kerajaan. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	:	Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri
Bahagian II	:	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
Bahagian III	:	Perkara Am

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Perlis pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah emolumen bulanan terlebih bayar; penggunaan air tidak dibilkan; peruntukan kewangan tidak mencukupi untuk meneruskan projek tebatan banjir; Sistem ePBT tidak digunakan secara optimum dan pengurusan kewangan serta pentadbiran Syarikat tidak dijalankan mengikut peraturan atau prosedur yang ditetapkan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambahbaik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 38 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan **“Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

13 Mei 2011



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSİ NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, PEJABAT KEWANGAN NEGERI, JABATAN KERJA RAYA, JABATAN TANAH DAN GALIAN DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

- Pengurusan Emolumen Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Perlis

1.1. Emolumen terdiri daripada gaji pokok, elaun dan imbuhan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Gaji pokok merujuk kepada mata gaji dalam struktur gaji Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa dan diambil kira untuk faedah pensen. Elaun dan imbuhan dalam perkhidmatan awam berdasarkan Perintah Am Bab B merupakan satu keistimewaan dan bukan bersifat kekal yang patut dibayar kepada pegawai berkecualan berdasarkan syarat dan kadar yang ditetapkan.

1.2. Bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010, sejumlah RM105.56 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran emolumen. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 1,194 daripada 1,466 jawatan pelbagai gred telah diisi di Negeri Perlis. Pada keseluruhannya, pengurusan emolumen anggota perkhidmatan awam Negeri Perlis adalah baik. Bagaimanapun masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi kelemahan yang dikenal pasti antaranya:

1.2.1. Lebihan bayaran emolumen, Surat Perwakilan Kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8.

1.2.2. Pendapatan bersih gaji pegawai kurang daripada 40%.

1.2.3. Surat permohonan tanggung kerja tidak diperbaharui selepas 6 bulan sesuatu jawatan itu ditanggung kerja.

1.3. Bagi memastikan pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, berikut adalah syor Audit untuk diambil tindakan oleh pihak pengurusan Jabatan:

1.3.1. Ketua Jabatan hendaklah menyiasat punca yang menyebabkan lebihan pembayaran emolumen dan sekiranya didapati ada unsur kecuai, tindakan tatatertib terhadap pegawai yang cuai dalam menjalankan tugas perlu diambil selaras dengan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957.

1.3.2. Ketua Jabatan hendaklah mewujudkan koordinasi di semua peringkat supaya peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi dan pengemaskinian maklumat dibuat dari semasa ke semasa apabila berlaku sebarang perubahan status atau maklumat pegawai, terutamanya jika melibatkan pertukaran dan kenaikan pangkat.

1.3.3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terperinci terhadap maklumat emolumen sebelum sebarang pindaan diluluskan bagi mengelak berlakunya lebihan atau kekurangan bayaran.

1.3.4. Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8.

1.3.5. Latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen diberikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa. Pejabat Kewangan Negeri disaran untuk mengendalikan kursus berhubung dengan pengurusan bayaran emolumen.

1.3.6. Unit Audit Dalam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu menjalankan program penyemakan rekod perkhidmatan secara berkala di semua Jabatan pada setiap 6 bulan bagi memastikan rekod telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini agar kesilapan yang dikesan boleh diperbetulkan dengan segera.

2. JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS, BAHAGIAN BEKALAN AIR

- Pengurusan Pengebilan Air

2.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air (Jabatan) bertanggungjawab memberikan perkhidmatan bekalan air bersih kepada pengguna domestik, perniagaan mahupun industri di Negeri Perlis. Aktiviti utama pengebilan adalah pengeluaran bil air kepada pengguna, memungut hasil, mengemaskinikan akaun pengguna dan mengurus tunggakan hasil air. Pada 2 Ogos 2010, Jabatan telah dikorporatkan menjadi Syarikat Air Perlis (Syarikat) dengan nilai aset berjumlah RM203.34 juta. Bagaimanapun, sehingga kini pengurusan aktiviti bekalan air masih lagi di bawah pengurusan Jabatan kerana Syarikat belum beroperasi sepenuhnya.

2.2. Berdasarkan Laporan Kutipan Hasil Jabatan, sejumlah RM47.63 juta hasil jualan air telah dikutip bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Perbelanjaan pembangunan yang telah dibelanjakan adalah berjumlah RM160.71 juta manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM57.49 juta. Tunggakan bil air sehingga 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM18.77 juta. Pada keseluruhannya, pengurusan pengebilan air adalah memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

2.2.1. Peningkatan tunggakan bil air setiap tahun.

2.2.2. Penguatkuasaan tidak diambil terhadap individu/syarikat/agensi yang mempunyai tunggakan bil air yang tinggi.

2.2.3. Pemotongan bekalan air lewat dilakukan dan penyambungan bekalan air lewat dimasukkan ke dalam Sistem UBIS menyebabkan penggunaan air tanpa bil dan kerugian kepada pihak Kerajaan Negeri.

2.3. Bagi mencapai matlamat pengurusan pengebilan yang efisien dan memaksimumkan hasil Kerajaan Negeri serta memberi kepuasan kepada pengguna, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak pengurusan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air/Syarikat Air Perlis.

2.3.1 Tindakan penguatkuasaan undang-undang perlu dilaksanakan dengan segera terhadap individu dan syarikat yang mempunyai tunggakan bil air yang tinggi serta pengguna yang didapati membuat penyambungan bekalan air secara haram.

2.3.2. Koordinasi antara Unit Pemprosesan Maklumat dan Unit Pengguna hendaklah diselaraskan bagi memastikan setiap pemasangan meter air diakaunkan ke dalam Sistem untuk tujuan pengebilan. Syarikat hendaklah sentiasa memastikan maklumat kesemua akaun pengguna adalah lengkap dan kemas kini.

2.3.3. Tindakan Pengesanan pengurusan aduan pengguna hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan setiap aduan diambil tindakan dan diselesaikan dengan segera.

2.3.4. Pembacaan meter hendaklah dibuat mengikut norma kerja ditetapkan dan pemantauan yang lebih cekap perlu dijalankan oleh Ketua Unit Pemprosesan Maklumat.

2.3.5. Laporan pelaksanaan arahan kerja juga perlu disediakan oleh penyelia bertanggungjawab dan dikemaskinikan dalam sistem.

3. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PERLIS **- Rancangan Tebatan Banjir**

3.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis (Jabatan) bertanggungjawab menguruskan Rancangan Tebatan Banjir. Banjir besar yang berlaku pada tahun 2005 dan 2010 disebabkan oleh hujan lebat luar biasa yang berterusan selama 3 hari di seluruh Negeri Perlis. Purata hujan harian tertinggi bagi 9 stesen yang dicatatkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 168.78 mm sehari dan 106.57 mm sehari pada tahun 2005 melebihi kadar tahap hujan lebat harian 60 mm.

3.2. Pada keseluruhannya, Pengurusan Rancangan Tebatan Banjir masih boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti dan faktor penyumbang kepada berlakunya banjir besar tahun 2005 dan 2010 sehingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada Kerajaan dan orang awam adalah:

3.2.1. Sungai lencongan tidak dibina.

3.2.2. Beberapa komponen projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh belum dilaksanakan.

3.2.3. Kawasan alur limbah tidak dipagar.

3.2.4. Penyenggaraan sistem saliran tidak dijalankan secara berkala.

3.2.5. Kelewatan penyiapan rumah pam Kuala Perlis menyebabkan projek tidak dapat dimanfaatkan dengan segera oleh penduduk Negeri Perlis.

3.3. Bagi memastikan Rancangan Tebatan Banjir dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif, berikut adalah syor Audit untuk dipertimbangkan:

3.3.1. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan perlu mengutamakan pembinaan sungai lencongan seperti yang dicadangkan bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir di Negeri Perlis.

3.3.2. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan perlu menimbangkan keutamaan projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh yang meliputi semua komponen.

3.3.3. Jabatan perlu membuat perancangan dan penyelarasan dengan lebih teliti bagi projek pembinaan rumah pam di masa hadapan agar komponen pam dapat dipasang segera sebaik sahaja ia siap dibina supaya dapat dimanfaatkan dengan segera.

3.3.4. Jabatan perlu memohon peruntukan kewangan untuk memagar kawasan alur limbah sepenuhnya untuk memastikan operasi alur limbah berjalan lancar dan tidak berlaku pencerobohan.

3.3.5. Jabatan perlu memohon peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan sistem saliran secara berkala serta mengaktifkan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan penglibatan masyarakat.

4. MAJLIS PERBANDARAN KANGAR - Sistem ePBT

4.1. Sistem ePBT dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (Jabatan) bersama-sama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kementerian) dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Syarikat *GW Intech Sdn. Bhd.* (Vendor) telah dilantik sebagai kontraktor untuk membangunkan sistem tersebut. Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) menggunakan Sistem ePBT secara berperingkat bermula pada bulan Mac 2008 dengan kos sejumlah RM0.31 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan. Ciri-ciri penting Sistem ePBT adalah modul sistem dibangunkan secara integrasi antara semua modul; mampu melaksanakan kutipan luar (*off-line*); mampu melaksanakan kaunter setempat kerana semua sistem boleh dicapai melalui satu skrin; modul kutipan cukai tanah telah disediakan untuk digunakan secara opsyen; boleh berintegrasi dengan alat *hand-held* untuk modul kompaun kenderaan; segala kutipan dikemas kini secara automatik ke dalam sistem perakaunan; dan data di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dihantar ke SUK bagi Sistem Pelaporan SUK.

4.2. Pada keseluruhannya, penggunaan Sistem ePBT di Majlis adalah tidak memuaskan kerana penggunaan belum mencapai tahap optimum walaupun setelah hampir 3 tahun dilaksanakan. Majlis masih menghadapi masalah adaptasi kepada persekitaran Sistem ePBT bagi memenuhi keperluan semasa. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

4.2.1. Salinan dokumen kontrak tidak dibekalkan oleh Jabatan.

4.2.2. Integriti dan kesahihan data diragui.

4.2.3. Penyata kewangan tidak dapat dijana secara automatik.

4.3. Bagi mempertingkatkan tahap kawalan dan penggunaannya untuk mencapai objektif yang ditetapkan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

4.3.1. Majlis perlu membuat penyemakan dan pemutihan data dalam Sistem ePBT bagi memastikan kesahihan data dan keutuhan maklumat.

4.3.2. Majlis hendaklah menggunakan keseluruhan Sistem/Modul yang dibangunkan dalam Sistem ePBT bagi merealisasikan hasrat untuk menjana penyata kewangan melalui sistem.

4.3.3. Bahagian Teknologi Maklumat Majlis perlu mengambil tanggungjawab memastikan program latihan yang relevan diberi secara berterusan kepada pengguna Sistem ePBT.

4.3.4. Jabatan Kerajaan Tempatan perlu mengkaji semula penambahbaikan sistem dengan mewujudkan keperluan jejak audit dan sistem log dalam Sistem ePBT bagi meningkatkan keselamatan data.

4.3.5. Jabatan Kerajaan Tempatan perlu memastikan salinan kontrak atau skop kerja diserahkan kepada PBT untuk mengelakkan kesukaran PBT melaksanakan pemantauan terutamanya bagi Projek ePBT Fasa 2.

4.3.6. Jawatankuasa Tetap Kemajuan ICT Majlis perlu membincang dan melaporkan masalah yang dihadapi oleh pengguna sistem kepada Jabatan bagi memastikan kecekapan dalam penggunaan sistem.

5. JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar

5.1. Hutan Paya Laut adalah kawasan hutan di pesisiran laut yang berlumpur bercampur pasir laut yang mengalami air pasang dan surut serta ekosistemnya toleran terhadap air masin di sepanjang pantai. Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah diberikan tanggungjawab dalam mengurus Hutan Paya Laut yang meliputi pesisiran pantai Negeri Perlis sepanjang 26 kilometer atau 0.54% daripada 4,800 kilometer keseluruhan lingkungan pesisiran pantai Semenanjung Malaysia. Ekoran peristiwa tsunami pada tahun 2004, YAB Perdana Menteri telah menyarankan supaya usaha-usaha pemuliharaan dan perlindungan kawasan pesisiran pantai negara dipertingkatkan.

5.2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah mengambil tindakan untuk menanam pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di beberapa kawasan pesisiran pantai bagi memenuhi objektifnya iaitu untuk menjadikan pesisiran pantai sebagai zon penanaman. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, peruntukan berjumlah RM624,000 telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek penanaman pesisiran pantai negeri Perlis manakala sumbangan kerajaan negeri berjumlah RM150,000. Secara keseluruhannya, pengurusan Hutan Paya Laut bagi Negeri Perlis boleh dipertingkatkan melalui pendekatan proaktif bagi menangani kelemahan yang telah dikenal pasti seperti:

5.2.1. Pewartaan kawasan bakau.

5.2.2. Penanaman pokok bakau.

5.2.3. Kaedah inovatif penanaman.

5.2.4. Pembinaan pejalan kaki untuk eko pelancongan dan kesan aktiviti sampingan.

5.3. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perhutanan Negeri Perlis mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

5.3.1. Jabatan hendaklah menyegerakan proses pewartaan kawasan CHSK di pesisiran Selat Melaka dengan menubuhkan jawatankuasa khas yang lebih telus demi kepentingan hak pewartaan kawasan bakau. Bagaimanapun, sekiranya jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan ianya hendaklah diaktifkan.

5.3.2. Kajian menyeluruh dibuat dengan mengenal pasti keadaan sebenar tanah, kekuatan ombak dan keadaan fizikal kawasan penanaman bakau dengan mengambil kira penglibatan beberapa agensi kerajaan yang terlibat bagi objektif penanaman bakau sebagai zon penampungan terjamin.

5.3.3. Kajian kemungkinan dijalankan bagi memastikan sama ada projek Pembinaan Pejalan Kaki Untuk Eko Pelancongan wajar diteruskan atau sebaliknya.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT AGENSI NEGERI

6. YAYASAN ISLAM PERLIS - IPTIPs Sdn. Bhd.

6.1. IPTIPS Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Islam Perlis (Yayasan) yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Mac 1996. Nama asal Syarikat adalah Pancaran Karun Sdn. Bhd. sebelum ditukarkan kepada IPTIPs Sdn. Bhd. pada 11 November 1997. Modal yang dibenarkan berjumlah RM0.5 juta manakala modal berbayar berjumlah RM0.2 juta. Aktiviti tunggal Syarikat adalah menguruskan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs) yang merupakan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bukan bertaraf universiti yang memberi penekanan dalam pendidikan Islam.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati pengurusan IPTIPs Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Beberapa kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

6.2.1. Penyata Kewangan tahun 2001 hingga 2009 masih belum disediakan. Penyata kewangan Syarikat hanya diaudit setakat tahun 1999. Penyata kewangan Syarikat tahun 1999 yang telah diaudit menunjukkan Syarikat mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM55,840. Penyata kewangan tahun 2000 sedang diaudit oleh juruaudit bertauliah yang dilantik manakala penyata kewangan tahun 2001 hingga 2009 masih belum disediakan. Penyata kewangan untuk tujuan pihak pengurusan juga tidak disediakan.

6.2.2. Syarikat didapati tidak mempunyai garis panduan dan prosedur kerja berkaitan pengurusan operasi dan kewangan.

6.3. Bagi memastikan prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat diuruskan dengan cekap dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan teratur, Yayasan/Syarikat disyorkan supaya mengambil tindakan-tindakan berikut:

6.3.1. Yayasan dan Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah memainkan peranan dengan lebih aktif mengawasi dan menilai pengurusan operasi Syarikat supaya diuruskan dengan cekap.

6.3.2. Peraturan dan polisi kutipan yuran hendaklah disediakan bagi mengelakkan masalah tunggakan yuran menjadi lebih serius. Tindakan memastikan setiap pelajar yang ditawarkan tempat belajar di IPTIPs mendapat pembiayaan kewangan boleh mengurangkan risiko tunggakan kutipan yuran.

6.3.3. IPTIPs hendaklah mengkaji semula kursus yang kurang mendapat sambutan dan menawarkan kursus yang lebih relevan dengan kehendak pasaran semasa.

6.3.4. IPTIPs hendaklah memperkasa kaedah pemasaran selain daripada meneruskan dan mempergiatkan promosi sedia ada dalam usaha meningkatkan bilangan kemasukan pelajar baru.

6.3.5. Memastikan sistem tadbir urus di IPTIPs diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi memantapkan kepimpinan dan membudayakan sifat profesionalisme di kalangan ahli akademik supaya dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang.

6.3.6. Yayasan hendaklah menjalankan pemantauan yang lebih berkesan terhadap syarikat subsidiari demi menjaga kepentingan Kerajaan.

6.3.7. Syarikat hendaklah menyediakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang lengkap. Kawalan dalaman yang mencukupi juga hendaklah diwujudkan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi.

6.3.8. Syarikat hendaklah berusaha menyediakan prasarana dan kemudahan yang terbaik bertujuan untuk menarik perhatian pelajar dan ibubapa bagi memastikan IPTIPs mampu bersaing dengan IPTS yang lain.

7. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

- Pens Industries Sdn. Bhd.

7.1. Pens Industries Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah salah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan). Nama asal Syarikat adalah Unisandals (Malaysia) Sdn. Bhd. sebelum ditukar nama kepada Pens Industries Sdn. Bhd. pada 15 Disember 1989. Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 5 Mac 1986 dengan modal berbayar RM2.99 juta. Syarikat memulakan operasinya pada 11 Januari 1991 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta. Kegiatan utama Syarikat adalah menjalankan perusahaan kuari batu untuk pengeluaran batu baur (*aggregate*), asphalt (*premix*) serta menjalankan projek penurapan jalan. Keluasan operasi kuari adalah 40.30 hektar yang terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang milik Kerajaan Negeri Perlis.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati pada amnya pengurusan Pens Industries Sdn. Bhd. adalah baik. Pengurusan aktiviti Syarikat bagaimanapun menunjukkan beberapa kelemahan dalam tadbir urus syarikat.

7.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Syarikat mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

7.3.1. Syarikat berusaha memperkukuhkan lagi prestasi kewangan dengan membuat penanda aras dengan syarikat yang berdaya maju selaras dengan visi dan misi syarikat serta menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh Perbadanan.

7.3.2. Syarikat perlu memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik dan mengemas kini prosedur kerja meliputi pengurusan kewangan serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, Bil. 11 Tahun 1993 dan Bil. 12 Tahun 1993.

7.3.3. Syarikat perlu menyediakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang komprehensif dan telah diluluskan mengikut peraturan bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset.

7.3.4. Lembaga Pengarah Perbadanan hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan bagi memastikan semua syarikat subsidiari mematuhi dasar dan peraturan Kerajaan serta Amalan Tadbir Urus Korporat Malaysia.

7.3.5. Syarikat disarankan memperoleh lesen kontraknya sendiri tanpa mengharapkan kepada syarikat lain.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Mengikut Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Bagi memenuhi peruntukan Seksyen ini, pada tahun 2010 Jabatan Audit Negara telah memilih 4 program atau aktiviti untuk dilaksanakan pengauditan. Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada program atau aktiviti tersebut telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Program dan aktiviti yang dikaji adalah Pengurusan Emolumen Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Perlis (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah Dan Galian dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis), Pengurusan Pengebilan Air (Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air), Rancangan Tebatan Banjir (Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis), Sistem ePBT (Majlis Perbandaran Kangar) dan Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar (Jabatan Perhutanan Negeri Perlis). Pemerhatian Audit tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Agensi terlibat. Hanya penemuan Audit yang penting beserta dengan maklum balas daripada Ketua Jabatan/Agensi terlibat dilaporkan di **Bahagian** ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, PEJABAT KEWANGAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA, JABATAN TANAH DAN GALIAN DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

2. PENGURUSAN EMOLUMEN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERLIS

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Emolumen terdiri daripada gaji pokok, elaun dan imbuhan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Gaji pokok merujuk kepada mata gaji dalam struktur gaji Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa dan diambil kira untuk faedah pensen. Elaun dan imbuhan dalam perkhidmatan awam berdasarkan Perintah Am Bab B merupakan satu keistimewaan dan bukan bersifat kekal yang patut dibayar kepada pegawai berkekeluargaan berdasarkan syarat dan kadar yang ditetapkan.

2.1.2. Potongan gaji terdiri daripada potongan wajib seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bayaran ansuran pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan potongan cukai pendapatan berjadual. Manakala potongan pilihan seperti simpanan Tabung Haji, zakat, insurans dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

(ANGKASA). Bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010, sejumlah RM105.56 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran emolumen anggota perkhidmatan awam Negeri Perlis.

2.1.3. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 1,194 atau 81.4% daripada 1,466 jawatan pelbagai gred telah diisi di Negeri Perlis. Kedudukan perjawatan anggota perkhidmatan awam di Negeri Perlis adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kedudukan Perjawatan Anggota Perkhidmatan Awam Di Negeri Perlis
Pada 31 Disember 2010

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Lulus	Diisi	Pengisian (%)
1.	Pengurusan Tertinggi	3	3	100
2.	Pengurusan Dan Profesional	79	68	86.1
3.	Sokongan	1,384	1,123	81.1
Jumlah		1,466	1,194	81.4

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bayaran emolumen telah dilaksanakan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.

2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

2.3.1. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap data gaji, elaun, imbuhan, potongan gaji, dokumen sokongan, rekod perkhidmatan dan fail peribadi penjawat awam bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dilaksanakan di 2 peringkat iaitu di Pejabat Kewangan Negeri sebagai Pusat Pembayar dan Jabatan yang dipilih sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.3.2. Sebanyak 10% atau 125 jawatan daripada keseluruhan perjawatan yang diisi di 5 buah Jabatan telah dipilih untuk diaudit. Ia meliputi pegawai lantikan tetap, tukar lantik, kenaikan pangkat, anjakan gaji, cuti belajar bergaji penuh/separuh gaji/tanpa gaji, bersara, meninggal dunia, meletak jawatan dan tindakan tata tertib. Temu bual dengan penjawat awam yang terlibat dengan proses pengurusan dan pembayaran gaji anggota perkhidmatan awam juga diadakan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Analisis data gaji menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) juga telah dilaksanakan. Bilangan Jabatan dan penjawat awam yang dipilih untuk diaudit adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Bilangan Jabatan Dan Penjawat Awam Yang Diaudit

Bil.	Jabatan	Bilangan Pegawai
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	35
2.	Pejabat Kewangan Negeri	30
3.	Jabatan Kerja Raya	30
4.	Jabatan Tanah Dan Galian	15
5.	Jabatan Perhutanan	15
Jumlah		125

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Februari 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pembayaran emolumen anggota perkhidmatan awam Negeri Perlis adalah baik. Bagaimanapun masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi kelemahan yang dikenal pasti seperti berlakunya lebihan bayaran emolumen, surat perwakilan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8, pendapatan bersih gaji pegawai kurang daripada 40% dan surat permohonan tanggung kerja tidak diperbaharui. Memandangkan pengauditan dibuat berdasarkan sampel, jumlah lebihan pembayaran emolumen mungkin lebih besar sekiranya pengauditan dibuat secara menyeluruh. Antara faktor yang menyebabkan lebihan pembayaran emolumen berlaku adalah kelewatan mengambil tindakan memberhentikan/membuat pelarasan gaji dan elaun apabila pegawai bercuti tanpa gaji, kurang pemantauan dan semakan oleh pegawai penyelia serta pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak pengurusan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan:

2.4.1. Emolumen Terlebi Bayar

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 menetapkan bahawa pegawai yang diluluskan Cuti Tanpa Gaji tidak layak menerima gaji pokok bulanan, imbuhan tetap dan elaun-elaun lain, kecuali peraturan yang berkuat kuasa menyatakan sebaliknya. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 menyatakan bahawa tarikh kuat kuasa penangguhan kerja hendaklah bermula dari tarikh pegawai melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja. Sekiranya tempoh penangguhan kerja berakhir pada hari cuti mingguan dan kelepasan am, tempoh tersebut boleh diambil kira untuk tujuan pembayaran Elaun Penangguhan Kerja. Semakan Audit mendapati 2 orang pegawai di 2 buah Jabatan telah lebih dibayar emolumen sejumlah RM1,711 seperti di **Jadual 2.3**. Setelah mendapat teguran Audit, kutipan bayaran balik telah dibuat oleh Jabatan berkenaan masing-masing pada 3 Jun 2011 dan 8 Mac 2011. Bayaran emolumen terlebih bayar ini berlaku disebabkan oleh faktor berikut:

- Kelewatan mengambil tindakan memberhentikan/membuat pelarasan gaji dan elaun apabila pegawai diluluskan Cuti Tanpa Gaji dan tamat tempoh penangguhan kerja;
- Kesilapan dalam penyediaan Penyata Perubahan Gaji (Borang Kew. 8); dan
- Kurang pemantauan dan semakan oleh pegawai penyelia.

Jadual 2.3
Emolumen Terlebi Bayar

Bil.	Jabatan	Jumlah Kes	Jumlah Emolumen Lebih Dibayar (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya	1	342
2.	Jabatan Tanah Dan Galian	1	1,369
Jumlah		2	1,711

Sumber: Rekod Jabatan

Pada pendapat Audit, bayaran emolumen lebih dibayar ini tidak sewajarnya berlaku.

2.4.2. Pendapatan Bersih Bulanan Kurang Daripada 40%

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993 menetapkan bahawa semua potongan, termasuk potongan ansuran kenderaan yang ditanggung oleh seseorang pegawai, tidak boleh melebihi 60% dari emolumen bulannya. Baki pendapatan bersih bulanan tidak boleh kurang 40% daripada emolumen bulanan, tidak termasuk bayaran balik gaji dan potongan lain seperti Simpanan Tabung Haji, insurans dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Semakan Audit terhadap data gaji bagi bulan Disember 2010 mendapati 48 daripada 638 penjawat awam atau 7.5% penjawat awam di 5 Jabatan yang diaudit mempunyai baki pendapatan bersih kurang 40% daripada emolumen bulanan, selepas mengambil kira potongan. Potongan kepada Biro ANGKASA merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan potongan yang tinggi. Punca berlakunya baki pendapatan kurang 40% daripada emolumen bulanan adalah disebabkan tiadanya mekanisme yang berkesan untuk memantau dan meluluskan potongan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.4**. Maklum balas yang diterima daripada kesemua Jabatan/Pejabat secara amnya memaklumkan bahawa kesemua pegawai telah diberikan peringatan dan sesi kaunseling dengan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit telah diatur bagi membantu pegawai menguruskan kewangan.

Jadual 2.4
Baki Pendapatan Bersih Kurang 40% Daripada Emolumen Bulanan

Bil.	Jabatan	Bilangan Pegawai				Jumlah
		Peratus Pendapatan Bersih				
		0.1 - 10	10.1 - 20	20.1 - 30	30.1- 39.9	
1.	Pejabat Kewangan Negeri	-	-	-	1	1
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1	-	1	3	5
3.	Jabatan Kerja Raya	-	1	12	13	26
4.	Jabatan Tanah Dan Galian	1	-	-	13	14
5.	Jabatan Perhutanan	-	1	-	1	2
Jumlah		2	2	13	31	48

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan terhadap kebenaran pemotongan gaji penjawat awam adalah kurang berkesan.

2.4.3. Surat Perwakilan Kuasa

Arahan Perbendaharaan 11(a) menghendaki kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal dinyatakan dengan jelas olehnya dan menetapkan setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan tugas bagi pihaknya. Tugas yang menjadi tanggungjawabnya mestilah dinyatakan secara bertulis. Semakan Audit mendapati Surat Perwakilan Kuasa bagi pegawai yang bertanggungjawab untuk meluluskan Penyata Perubahan Gaji (Borang Kew. 8) di semua Jabatan yang diaudit kecuali JKR, tidak dikeluarkan. Surat Perwakilan Kuasa tidak dikeluarkan kerana Ketua Jabatan tidak menyedari tentang keperluan penyediaannya. Selepas mendapat teguran Audit, kesemua Jabatan terlibat telah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa berkenaan.

Pada pendapat Audit, Surat Perwakilan Kuasa kepada pegawai yang bertanggungjawab meluluskan Penyata Perubahan Gaji (Borang Kew. 8) perlu disediakan dengan segera.

2.4.4. Surat Permohonan Tanggung Kerja Tidak Diperbaharui

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 menyatakan bahawa tempoh penangguhan kerja hendaklah tidak melebihi 6 bulan. Ketua Jabatan hendaklah membuat permohonan semula penangguhan kerja kepada Pihak Berkuasa Melulus sekiranya pegawai masih diperlukan untuk melaksanakan kerja tersebut. Tarikh kuat kuasa penangguhan kerja hendaklah dari tarikh pegawai melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja dan bermula dari hari bekerja. Semakan Audit mendapati kesemua 5 Jabatan tidak memperbaharui surat permohonan penangguhan kerja selepas 6 bulan sesuatu jawatan itu ditanggung melibatkan 6 penjawat awam. Pegawai-pegawai tersebut dibayar elaun tanggung kerja walaupun surat kelulusan tanggung kerja yang baru tidak dikeluarkan. Surat permohonan tidak dikeluarkan disebabkan pegawai bertanggungjawab gagal memaklumkan Ketua Jabatan mengenai keperluan penyediaannya. Antara maklum balas yang diterima daripada Jabatan adalah sedang mengambil tindakan dan akan mengemaskini prosedur sedia ada.

Pada pendapat Audit, pegawai bertanggungjawab perlu peka terhadap peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelak berlakunya pembayaran Elaun Tanggung Kerja tidak sah.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, berikut adalah syor Audit untuk diambil tindakan oleh pihak pengurusan Jabatan:

2.5.1. Ketua Jabatan hendaklah menyiasat punca yang menyebabkan lebihan pembayaran emolumen dan sekiranya didapati ada unsur kecuai, tindakan tatatertib terhadap pegawai yang cuai dalam menjalankan tugas perlu diambil selaras dengan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957.

2.5.2. Ketua Jabatan hendaklah mewujudkan koordinasi di semua peringkat supaya peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi dan pengemaskinian maklumat dibuat dari semasa ke semasa apabila berlaku sebarang perubahan status atau maklumat pegawai, terutamanya jika melibatkan pertukaran dan kenaikan pangkat.

2.5.3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terperinci terhadap maklumat emolumen sebelum sebarang pindaan diluluskan bagi mengelak berlakunya lebihan atau kurangan bayaran.

2.5.4. Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8.

2.5.5. Latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen diberikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan

pengetahuan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa. Pejabat Kewangan Negeri disaran untuk mengendalikan kursus berhubung dengan pengurusan bayaran emolumen.

2.5.6. Unit Audit Dalam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu menjalankan program penyemakan rekod perkhidmatan secara berkala di semua Jabatan pada setiap 6 bulan bagi memastikan rekod telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini agar kesilapan yang dikesan boleh diperbetulkan dengan segera.

JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS BAHAGIAN BEKALAN AIR

3. PENGURUSAN PENGEBILAN AIR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air (Jabatan) adalah bertanggungjawab memberikan perkhidmatan bekalan air bersih kepada pengguna di Negeri Perlis, sama ada untuk kegunaan domestik, perniagaan mahupun industri dan seterusnya menguruskan akaun bekalan air dengan sempurna supaya hasil air dapat dikutip dengan efisien. Jabatan juga bertanggungjawab dalam merancang projek baru untuk dilaksanakan bagi menambahkan lagi pengeluaran air bersih dan memperbaiki sistem agihan dari semasa ke semasa. Aktiviti utama pengebilan ialah melibatkan pengeluaran bil air kepada pengguna, memungut hasil, mengemaskinikan akaun pengguna dan mengurus tunggakan hasil air. Oleh itu, pengurusan pengebilan yang efisien dapat membantu memaksimumkan hasil Kerajaan Negeri selain memberi kepuasan kepada pengguna.

3.1.2. Pada 2 Ogos 2010, Jabatan telah dikorporatkan menjadi Syarikat Air Perlis (Syarikat) dengan nilai aset berjumlah RM203.34 juta. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan (Februari 2011), pengurusan aktiviti bekalan air masih lagi di bawah pengurusan Jabatan kerana Syarikat belum beroperasi sepenuhnya. Jabatan menggunakan *Utility Billing Information System/UBIS* (Sistem) mulai tahun 2001 bagi memastikan pengurusan pengebilan diuruskan dengan cekap. Unit Pemprosesan Maklumat telah dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan keseluruhan sistem pengebilan termasuk pengurusan tunggakan hasil air. Berdasarkan Laporan Kutipan Hasil Jabatan, sejumlah RM47.63 juta hasil jualan air telah dikutip bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Sejumlah RM160.48 juta pula telah dibelanjakan untuk pembangunan dan sejumlah RM57.49 juta untuk mengurus operasi Jabatan bagi tempoh yang sama. Tunggakan bil air sehingga 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM18.77 juta.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengebilan air oleh Jabatan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan pengebilan seperti pengeluaran bil, kutipan hasil, pelarasan debit dan kredit, pengurusan tunggakan hasil serta pengurusan perkhidmatan pelanggan dan aduan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa dokumen yang berkaitan, menganalisis data

yang dikeluarkan oleh sistem menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL), temu bual dengan pegawai berkaitan dan lawatan ke premis pelanggan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan mulai pertengahan bulan Oktober 2010 hingga pertengahan Februari 2011. Pada keseluruhannya, pengurusan pengebilan air adalah memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah bacaan meter tidak mengikut jadual, tunggakan hasil air meningkat setiap tahun; kaedah penetapan tunggakan hasil tidak disediakan; penguatkuasaan tidak diambil terhadap individu/syarikat/agensi yang mempunyai tunggakan bil air yang tinggi; pemotongan bekalan air lewat dilakukan dan penyambungan bekalan air lewat dimasukkan ke dalam Sistem menyebabkan penggunaan air tanpa bil. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1. Bacaan Meter Tidak Mengikut Jadual

Berdasarkan Senarai Tugas Pembaca Meter, bacaan meter perlu dibuat setiap 2 bulan sekali bagi pengguna domestik (Tarif A) manakala bagi pengguna separuh perdagangan (Tarif B), perdagangan (Tarif C) dan Pejabat Kerajaan (Tarif A) dibuat sebulan sekali. Sehingga Disember 2010 sebanyak 66,056 akaun pengguna telah diwujudkan dalam Sistem. Seramai 22 orang Pembaca Meter di bawah Unit Pemprosesan Data telah ditugaskan untuk melaksanakan bacaan meter. Pemeriksaan Audit terhadap 100 akaun pengguna melalui *Event Listing* dalam Sistem mendapati 39 akaun pengguna telah lewat dibuat bacaan meter antara 2 hingga 13 bulan. Kelewatan bacaan disebabkan oleh jadual kerja yang dirangka tidak mengikut norma kerja. Selain itu bacaan meter hanya dibuat di waktu pagi sahaja. Pembacaan meter yang tidak mengikut norma kerja ditetapkan telah menyebabkan kelewatan kutipan hasil kepada Kerajaan di samping turut membebankan pengguna. Butiran lanjut kelewatan pembacaan meter yang disemak adalah seperti di **Jadual 3.1**. Jabatan dalam maklum balasnya menyatakan bahawa permohonan tambahan seramai 5 orang pembaca meter telah dibuat kepada Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kelewatan bacaan meter.


Jadual 3.1
Tempoh Kelewatan Bacaan Meter Mengikut Tarif

Tarif	Tempoh Kelewatan (Bulan)	Bilangan Akaun
A	3 – 5	9
	6 – 8	2
	9 – 10	2
B, C dan Pejabat Kerajaan	2 – 4	19
	5 – 7	3
	8 – 13	4
Jumlah		39

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.2. Tunggakan Hasil Air Semakin Meningkat

Seksyen 42(1) Enakmen Bekalan Air 2006 menghendaki semua bil air dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Jabatan hendaklah memastikan kutipan dan tunggakan hasil air dilaksanakan dengan cekap dan berkesan sebagai usaha memaksimumkan hasil air Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap Laporan Tunggakan Hasil Air Jabatan mendapati tunggakan hasil air sehingga 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM18.77 juta iaitu meningkat sejumlah RM2.08 juta atau 12.5% berbanding tunggakan pada tahun 2009 yang berjumlah RM16.69 juta. Peningkatan tunggakan hasil air adalah disebabkan kegagalan Jabatan menguatkuasakan undang-undang selain tiada penetapan sasaran kutipan tunggakan hasil air. Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami kekurangan hasil. Butiran lanjut tunggakan hasil air bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 mendapati jumlah tunggakan hasil air sehingga tahun 2010 telah mencapai RM18.77 juta seperti di **Carta 3.1**. Jabatan dalam maklum balasnya menyatakan akan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengenai pelupusan tunggakan hasil air bagi akaun premis Kerajaan Negeri.



Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.3. Tindakan Kurang Berkesan Terhadap Akaun Aktif Yang Mempunyai Tunggakan Tinggi

Seksyen 43(1) Enakmen Bekalan Air 2006, memberikan kuasa kepada Jabatan untuk membuat pemotongan bekalan air sekiranya pengguna gagal menjelaskan amaun yang perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil dikemukakan setelah notis dikeluarkan sewajarnya. Semakan Audit terhadap Senarai Penyata Akaun sehingga 31 Disember 2010 mendapati 10 akaun mempunyai tunggakan tertinggi antara RM49,000 hingga RM543,000 yang melibatkan tunggakan berjumlah RM2.10 juta tetapi air masih dibekalkan. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang tidak diambil mengakibatkan hasil Kerajaan Negeri kurang dikutip. Akaun yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.2**. Antara tindakan yang dimaklumkan oleh Jabatan adalah

mengeluarkan surat rasmi kepada pengguna terbabit, mengemaskini Sistem dan meningkatkan tindakan penguatkuasaan.

Jadual 3.2
Akaun Aktif Yang Mempunyai Tunggakan Tinggi Tetapi Masih Mendapat Bekalan Air

No. Akaun	Tarif Air	Jumlah Tunggakan (RM)	Tarikh Akhir Bacaan Meter	Tarikh Terakhir Pembayaran Dibuat	Catatan
046157 1	A	542,583	16.11.2010	29.07.2008	Meter dipotong pada 25.07.2008 dan di sambung semula pada 14.11.2008
045977 7	A	372,018	16.11.2010	22.08.2008	Tiada tindakan diambil
046158 2	A	292,768	16.11.2010	Tidak pernah bayar	Meter ditukar pada 25.03.2008
056666 4	A	215,676	11.08.2010	18.02.2010	Meter dipotong pada 15.11.2007 dan disambung semula pada 18.02.2010
045957 3	A	183,736	19.10.2010	29.04.2010	Tiada tindakan diambil
045745 2	A	142,387	11.11.2010	14.09.2010	Tiada tindakan diambil
052622 3	A	138,628	09.12.2010	28.09.2010	Meter dipotong pada 25.07.2008 dan di sambung semula pada 14.11.2008
075577 1	C	101,057	14.12.2010	04.09.2009	Tiada tindakan diambil
045967 5	C	59,461	22.12.2010	19.05.2010	Meter disambung semula pada 12.05.2008
012137 2	C	49,491	01.12.2010	01.04.2010	Tiada tindakan diambil
Jumlah Tunggakan Bil Air		2,097,805			

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.4. Akaun Tidak Aktif Masih Dibekalkan Air

Akaun tidak aktif adalah akaun yang telah disenaraikan dalam sistem sebagai telah dihentikan bekalan air setelah arahan kerja pemotongan bekalan dikeluarkan kerana tunggakan yang tinggi atau atas permohonan pengguna. Semakan Audit terhadap akaun bernombor 053357-0 mendapati akaun tersebut mempunyai tunggakan bil air berjumlah RM127,137 dan telah diletakkan status sebagai telah dihentikan bekalan air dalam Sistem. Bil air terakhir dikeluarkan adalah pada 20 Mac 2010. Lawatan Audit ke tapak pada awal Februari 2011 mendapati meter air telah rosak. Bagaimanapun pihak Audit mendapati air masih dibekalkan ke premis berkenaan menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri. Keadaan meter rosak tersebut adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **3.2**.

Gambar 3.1
Akaun Tidak Aktif Masih Dibekalkan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Pahat, Kangar
Tarikh: 01 Februari 2011

Gambar 3.2
Meter Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Pahat, Kangar
Tarikh: 01 Februari 2011

3.4.5. Tindakan Pemotongan Tidak Dilakukan

3.4.5.1. Seksyen 43(2) Enakmen Bekalan Air 2006 menjelaskan bahawa notis pemotongan bekalan air secara bertulis perlu dikeluarkan kepada pengguna sebelum kerja pemotongan bekalan air boleh dilaksanakan. Notis pemotongan akan dikeluarkan jika pembayaran bil tidak dijelaskan selepas 14 hari daripada tarikh bil semasa dikeluarkan. Arahan kerja pemotongan bekalan akan dikeluarkan oleh Unit Pemprosesan Data kepada Unit Penguatkuasa untuk melaksanakan pemotongan bekalan air. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan notis pemotongan air telah dikeluarkan kepada pengguna bagi setiap arahan kerja pemotongan yang dikeluarkan. Semakan selanjutnya terhadap arahan kerja yang dikeluarkan mendapati tempoh menyempurnakan pemotongan bekalan tidak diseragamkan. Tempoh penyempurnaan adalah antara satu hingga 61 hari. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, terdapat sebanyak 2,710 arahan kerja pemotongan telah disempurnakan, 4,370 arahan kerja telah dibatalkan dan 1,507 arahan kerja pemotongan bekalan air masih belum dilaksanakan. Semakan lanjut pada 26 Oktober 2010 mendapati sebanyak 1,507 atau 18% daripada 8,587 arahan kerja pemotongan bekalan air masih belum disempurnakan walaupun telah melewati tempoh antara 7 hingga 728 hari. Kegagalan menyempurnakan kerja pemotongan menyebabkan tunggakan bil air semakin meningkat. Butiran lanjut penyempurnaan arahan kerja pemotongan bekalan air adalah seperti di **Jadual 3.3** manakala tempoh penyempurnaan arahan kerja belum diambil adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.3
Penyempurnaan Arahan Kerja Pemotongan Bekalan Air

Tahun	Telah Dilaksanakan	Telah Dibatalkan	Belum Dilaksanakan
2007	933	1,448	-
2008	561	1,171	3
2009	625	1,278	117
2010**	591	473	1,387
Jumlah	2,710	4,370	1,507

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

Nota: **Sehingga Oktober 2010

Jadual 3.4
Tempoh Penyempurnaan Arahan Kerja Belum Diambil

Tempoh Arahan Kerja Dikeluarkan (Hari)	Bilangan Akaun
7 - 100	772
101 – 500	688
501 – 728	47
Jumlah	1,507

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.5.2. Lawatan tapak ke atas 11 sampel premis pengguna yang telah dikeluarkan arahan kerja pemotongan bekalan air mendapati perkara seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Penyempurnaan Arahan Kerja Pemotongan Bekalan Air Setakat 26 Oktober 2010

No. Akaun	Arahan Kerja		Jumlah Tunggakan Bil Air (RM)	Tempoh (Hari)	Penemuan Audit
	Nombor	Tarikh			
004453 5	00193220	24.05.2010	1,277	155	Meter tertimbus di dalam simen.
004512 8	00197011	04.10.2010	1,816	22	Meter tertimbus di dalam simen. Sila rujuk Gambar 3.3 .
003504 4	00178016	20.02.2009	180	613	Rumah tidak berpenghuni. Meter tertimbus di dalam tanah
026869 7	00182573	19.06.2009	443	494	Bangunan tidak berpenghuni. Meter tertimbus di dalam tanah. Sila rujuk Gambar 3.4 .
044126 4	00176924	24.12.2008	701	671	Tindakan belum diambil.
060591 1	-	-	1,085	-	Pengguna telah membuat penyambungan secara haram dan menggunakan air tanpa kebenaran. Sila rujuk Gambar 3.5 .
021942 6	00183035	10.07.2009	300	473	Kebun buah belimbing tinggal. Meter tidak dijumpai.
000959 1	00175819	01.12.2008	570	694	Meter tidak dijumpai.
060163 3	00196464	06.09.2010	3,473	50	Tindakan belum diambil.
076688 2	00195198	03.08.2010	37,791	84	Tindakan belum diambil.
064085 4	-	-	57,303	-	Kilang telah ditutup, meter telah dipotong pada 24.07.2010. Terdapat pembaziran air. Sila rujuk Gambar 3.6 .

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

Gambar 3.3
No Akaun: 004512
Meter Tertimbus Dalam Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Seberang Alor, Kuala Perlis
 Tarikh: 8 Februari 2011

Gambar 3.4
No Akaun: 026869
Meter Tertimbus Dalam Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jejawi, Perlis
 Tarikh: 1 Februari 2011

Gambar 3.5
No Akaun: 060591
Penyambungan Bekalan
Air Secara Haram



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Belakang Kilang, Kuala Perlis
 Tarikh: 17 Januari 2011

Gambar 3.6
No Akaun: 064085
Kes Pembaziran Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kawasan Perindustrian Chuping
 Tarikh: 10 Februari 2011

Pada pendapat Audit pengurusan tunggakan hasil air Jabatan adalah tidak memuaskan. Kegagalan mengambil tindakan terhadap pengguna yang mempunyai tunggakan yang tinggi, sasaran kutipan tunggakan hasil air dan tempoh penyempurnaan arahan kerja tidak ditetapkan telah menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami kerugian kutipan hasil air.

3.4.6. Pemasangan Meter Akaun Baru Bekalan Air Melebihi 7 Hari Bekerja

3.4.6.1. Mengikut Piagam Pelanggan, pemasangan meter bekalan air akan disempurnakan dalam masa 7 hari bekerja selepas semua bayaran termasuk wang cagaran dijelaskan sepenuhnya. Semakan Audit terhadap Senarai Arahan Kerja mendapati sehingga 21 Oktober 2010, sebanyak 51 kes pemasangan meter bekalan air belum

disempurnakan walaupun bayaran telah dijelaskan oleh pemohon. Tempoh kelewatan pemasangan meter adalah antara 9 hingga 3,849 hari. Pemasangan meter yang mengambil tempoh masa yang lama memberi kesulitan kepada pemohon dan menjejaskan imej Kerajaan selain boleh menyebabkan berlakunya kes kecurian air. Butiran terperinci kelewatan pemasangan meter adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tempoh Kelewatan Pemasangan Meter Bagi Akaun Baru

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes
9 – 100	11
101 – 500	14
501 – 1,000	10
1,001 – 3,849	16
Jumlah	51

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.6.2. Lawatan tapak telah dibuat ke atas 11 premis pengguna bagi kes kelewatan pemasangan meter bekalan air pada 17 Januari, 1 dan 8 Februari 2011 mendapati 10 premis telah dipasang meter tetapi akaun belum diaktifkan dalam Sistem. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan kurang berkesan selain gagal mengemaskini akaun yang telah disambung semula dalam Sistem oleh Unit Penguatkuasaan. Sekiranya diandaikan meter tersebut dipasang pada tarikh arahan kerja pemasangan, akaun-akaun pengguna terlibat telah lewat diaktifkan antara 156 hingga 2,577 hari. Butiran lanjut akaun berkenaan adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kedudukan Semasa Akaun Pengguna

No. Akaun	Arahan Kerja Dikeluarkan		Kelewatan Akaun Diaktifkan Sehingga 21 Oktober 2010 (Hari)
	Nombor	Tarikh	
078917 4	00188478	04.01.2010	290
079867 6	00193064	18.05.2010	156
069829 4	00154761	17.07.2006	1,557
065813 7	00140498	04.08.2004	2,269
074887 8	00173565	15.08.2008	797
073316 1	00168613	01.02.2008	993
073315 0	00168612	01.02.2008	993
068131 0	00148373	10.08.2005	1,898
063624 5	00127973	01.10.2003	2,577
075752 7	00176069	03.12.2008	687

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.6.3. Pihak Audit mendapati Jabatan turut mengamalkan penggunaan meter terpakai bagi pemasangan baru di mana 6 daripada 10 kes pemasangan meter seperti **Jadual 3.7** di atas telah menggunakan meter terpakai. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan bacaan terakhir meter terpakai tersebut direkodkan sebagai bacaan awal setelah meter dipasang. Kelewatan mengaktifkan akaun ini merugikan Kerajaan kerana bacaan pertama hanya diambil oleh pembaca meter apabila akaun diaktifkan dalam

sistem. Ini bermakna jika akaun lewat diaktifkan, jumlah penggunaan air tidak dapat dipastikan. Keadaan ini menyebabkan pengguna menggunakan air secara percuma dan Kerajaan kehilangan hasil air. Penggunaan meter terpakai adalah seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**. Dalam maklum balasnya Jabatan menyatakan kelewatan pemasangan adalah disebabkan kegagalan pengguna menyediakan 'meter stand' dengan lengkap.

Gambar 3.7
Meter Terpakai Untuk Pemasangan Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mata Ayer, Perlis
Tarikh: 01 Februari 2011

Gambar 3.8
Meter Terpakai Untuk Pemasangan Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Seberang Alor, Kuala Perlis
Tarikh: 07 Februari 2011

3.4.7. Kelewatan Penyambungan Semula Bekalan Air

3.4.7.1. Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan, bekalan air yang dipotong akan disambung semula dalam masa tidak melebihi 3 hari bekerja selepas pembayaran tunggakan berserta caj penyambungan dijelaskan. Seksyen 47(1), (2) dan (3) Enakmen Bekalan Air 2006 menyatakan bekalan air yang dipotong tidak boleh disambung semula melainkan oleh Jabatan. Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan terhadap individu yang membuat sambungan tanpa kelulusan. Semakan Audit terhadap 100 sampel akaun pengguna di Senarai Arahan Kerja mendapati sehingga 31 Oktober 2010 sebanyak 17 kes penyambungan semula telah lewat dilaksanakan antara 18 hingga 269 hari seperti di **Jadual 3.8**. Kelewatan penyambungan semula bekalan air mengakibatkan pengguna lewat mendapat semula kemudahan bekalan air dan merugikan Kerajaan.

Jadual 3.8
Kelewatan Penyambungan Semula Bekalan Air

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes
18 – 100	8
101 – 200	5
201 – 269	4
Jumlah	17

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

3.4.7.2. Lawatan tapak pada 1, 8 dan 10 Februari 2011 di 5 premis pengguna berkenaan mendapati 3 daripadanya telah dipasang meter, tetapi akaun belum dikemaskinikan dalam

Sistem manakala 2 kes meter masih belum dipasang. Selain itu, lawatan Audit terhadap salah satu kes meter belum dipasang mendapati pengguna telah membuat penyambungan bekalan secara haram dan menggunakan air tanpa bil sejak tahun 1998 menyebabkan kerugian hasil Kerajaan. Kejadian ini berlaku disebabkan pemantauan kurang berkesan oleh Unit Penguatkuasaan selain gagal mengemaskinikan Sistem setelah penyambungan semula dilaksanakan. Pihak Jabatan juga didapati tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap pengguna tersebut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Penemuan Audit Semasa Lawatan Ke Premis Berkaitan

No. Akaun	Arahan Kerja		Kelewatan Peyambungan Semula Bekalan Air (Hari)	Penemuan Audit
	Nombor	Tarikh		
002610 1	00193476	27.05.2010	157	Penyambungan semula telah dilakukan, tetapi tidak dikemaskinikan dalam Sistem.
067224 0	00194247	18.06.2010	135	Penyambungan semula telah dilakukan pada 08.06.2010, tetapi tidak dikemaskinikan dalam Sistem.
068273 4	00192218	05.04.2010	209	Penyambungan semula belum dibuat disebabkan premis tidak berpenghuni.
003112 1	00189436	02.02.2010	271	Penyambungan semula telah dilakukan, tetapi tidak dikemaskinikan dalam Sistem.
038103 8	00190112	23.02.2010	250	Penyambungan semula belum dilakukan. Pengguna telah membuat penyambungan secara haram sejak tahun 1998.

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Bahagian Bekalan Air

Pada pendapat Audit pengurusan meter adalah tidak memuaskan kerana meter tidak dibaca mengikut norma kerja yang ditetapkan. Selain itu pemasangan meter akaun baru dan penyambungan semula meter tidak dipasang mengikut tempoh yang ditetapkan menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri.

3.4.8. Pengurusan Aduan Pengguna

Jabatan telah menyediakan beberapa saluran bagi kemudahan pelanggan membuat aduan seperti menerusi telefon, surat, e-mail, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau datang sendiri ke pejabat berhampiran. Semakan Audit terhadap Buku Aduan Pengguna mendapati aduan yang direkodkan tidak dicatatkan tarikh tindakan diambil dan pegawai yang melaksanakannya. Maklumat tersebut adalah penting bagi memastikan setiap aduan yang diterima telah diambil tindakan sewajarnya. Bagi tempoh tahun 2007 hingga September 2010 sebanyak 7,177 aduan telah diterima oleh Jabatan. Berdasarkan maklumat dalam Buku Aduan Pengguna, didapati aduan yang paling banyak diterima adalah berkaitan paip bocor melibatkan 5,095 aduan atau 71% daripada keseluruhan aduan. Tindakan penyenggaraan tidak dapat disemak kerana laporan tidak disediakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati aduan terhadap pengurusan bil hanya melibatkan 7% atau 484 aduan

bagi tempoh yang sama. Maklumat lanjut mengenai jenis dan bilangan aduan yang diterima bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Jumlah Aduan Mengikut Jenis
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2010

Bil.	Jenis Aduan	Tahun			
		2007	2008	2009	2010
1.	Paip Bocor	1,069	1,164	1,240	1,622
2.	Tekanan Rendah	521	116	430	239
3.	Bil Tinggi	121	56	158	149
4.	Masalah Kualiti Air	-	-	52	29
5.	Lain-Lain Aduan	-	-	100	111
Jumlah		1,711	1,336	1,980	2,150

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis ,Bahagian Bekalan Air

Pada pendapat Audit pengurusan aduan Jabatan tidak memuaskan kerana tiada bukti menunjukkan bahawa tindakan telah diambil bagi semua aduan yang diterima.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mencapai matlamat pengurusan pengebilan yang efisien dan memaksimumkan hasil Kerajaan Negeri serta memberi kepuasan kepada pengguna, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak pengurusan Jabatan Kerja Raya ,Bahagian Bekalan Air/Syarikat Air Perlis.

3.5.1.Tindakan penguatkuasaan undang-undang perlu dilaksanakan dengan segera terhadap individu dan syarikat yang mempunyai tunggakan bil air yang tinggi serta pengguna yang didapati membuat penyambungan bekalan air secara haram.

3.5.2.Koordinasi antara Unit Pemprosesan Maklumat dan Unit Pengguna hendaklah diselaraskan bagi memastikan setiap pemasangan meter air diakaunkan ke dalam Sistem untuk tujuan pengebilan. Syarikat hendaklah sentiasa memastikan maklumat kesemua akaun pengguna adalah lengkap dan kemas kini.

3.5.3.Tindakan Pengesanan pengurusan aduan pengguna hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan setiap aduan diambil tindakan dan diselesaikan dengan segera.

3.5.4.Pembacaan meter hendaklah dibuat mengikut norma kerja ditetapkan dan pemantauan yang lebih cekap perlu dijalankan oleh Ketua Unit Pemprosesan Maklumat .

3.5.5.Laporan pelaksanaan arahan kerja juga perlu disediakan oleh penyelia bertanggungjawab dan dikemaskinikan dalam sistem.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PERLIS

4. RANCANGAN TEBATAN BANJIR

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis (Jabatan) bertanggungjawab menjalankan tugas pembangunan sumber air khususnya dalam bidang pengairan, saliran, kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai, hidrologi dan tebatan banjir. Jabatan telah mewujudkan 7 bahagian yang terdiri daripada Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian; Bahagian Hidrologi Sumber Air Dan Empangan; Bahagian Khidmat Pengurusan; Bahagian Perkhidmatan Mekanikal/Elektrik Dan Stor; Bahagian Korporat Dan IT; Bahagian Sungai Dan Pantai; dan Bahagian Pengurusan Banjir Dan Saliran Mesra Alam bagi memastikan tanggungjawab tersebut dapat dilaksanakan. Bahagian Pengurusan Banjir Dan Saliran Mesra Alam telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir.

4.1.2. Pada tahun 2005 dan 2010, banjir besar telah berlaku di Negeri Perlis yang disebabkan oleh hujan lebat luar biasa yang berterusan selama 3 hari berturut-turut di seluruh Negeri Perlis. Purata hujan harian tertinggi bagi 9 stesen yang dicatatkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 168.78 mm sehari dan 106.57 mm sehari pada tahun 2005 melebihi tahap hujan lebat pada kadar 60 mm sehari. Perbandingan purata hujan harian tertinggi mengikut stesen hujan pada tahun 2005 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Taburan Hujan Harian Tertinggi Bagi Tahun 2005 Dan 2010

Bil.	Nama Stesen	Taburan Hujan Sehari (mm)	
		2005	2010
1.	Empangan Timah Tasoh	84	169
2.	Padang Besar	91.5	205
3.	Wang Kelian	73.5	162
4.	Sungai Jarum	69	175
5.	Kaki Bukit	120	118
6.	Kuala Tunggang	186	175
7.	Bukit Temiang	122	166
8.	Batu Bertangkup	Belum Dibina	200
9.	Kampung Bakau	Belum Dibina	149
Purata Hujan Harian		106.57	168.78

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia

4.1.3. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM8.59 juta daripada RM8.79 juta peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan oleh Jabatan untuk melaksanakan program dan projek Rancangan Tebatan Banjir di Negeri Perlis.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Rancangan Tebatan Banjir dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan selaras dengan matlamatnya.

4.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan Rancangan Tebatan Banjir Negeri Perlis bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan terhadap Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Kangar, Arau, Kuala Perlis, Simpang Empat dan kawasan hilir Timah Tasoh. Pengauditan dijalankan dengan menilai, menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berhubung pengurusan Rancangan Tebatan Banjir di Jabatan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk yang terlibat juga telah diadakan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut. Borang soal selidik turut diedarkan kepada penduduk terjejas banjir bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap pengurusan tebatan banjir. Lawatan ke tapak projek turut diadakan bagi menilai pencapaian projek.


4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Rancangan Tebatan Banjir masih boleh dipertingkatkan. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti antaranya pembinaan sungai lencongan tidak dibuat, beberapa komponen projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh belum dilaksanakan, kawasan alur limpah tidak dipagar, pembinaan rumah pam Kuala Perlis tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan penyenggaraan sistem saliran tidak dijalankan secara berkala. Kelemahan ini adalah antara faktor penyumbang kepada berlakunya banjir besar tahun 2005 dan 2010 sehingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada Kerajaan dan orang awam. Kelewatan penyiapan rumah pam Kuala Perlis menyebabkan projek tidak dapat dimanfaatkan dengan segera oleh penduduk Negeri Perlis. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1. Sungai Lencongan (*Flood By-Pass*) Tidak Dibina

4.4.1.1. Susulan banjir besar yang berlaku di Negeri Perlis pada tahun 2005, Jabatan telah mengemukakan permohonan berjumlah RM30 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membina sungai lencongan di bawah RMKe-9. Pembinaan sungai lencongan adalah perlu bagi mengurangkan risiko bencana banjir daripada berulang. Sungai lencongan sepanjang 16 kilometer dengan kelebaran 60 meter dari alur limpah Empangan Timah Tasoh akan disalurkan ke Terusan Lencongan Banjir Utara dan seterusnya ke Sungai Perlis bagi mengurangkan kejadian banjir di Negeri Perlis. Bagaimanapun, pembinaan sungai lencongan ini tidak dapat dilaksanakan di bawah RMKe-9 disebabkan tidak mendapat kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan selain kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri. **Peta 4.1** menunjukkan cadangan pembinaan sungai lencongan (Jajaran Barat) yang menghubungkan Empangan Timah Tasoh dengan Sungai Perlis dan seterusnya ke laut.

Peta 4.1
Cadangan Pembinaan Sungai Lencongan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

4.4.1.2. Pada tahun 2010, Negeri Perlis telah dilanda hujan lebat luar biasa yang berterusan selama 3 hari bermula pada 30 Oktober hingga 1 November 2010. Keadaan ini menyebabkan takungan air Empangan Timah Tasoh mencapai tahap maksimumnya iaitu 30.49m, melebihi paras bahaya 29.60m. Mengikut Manual Operasi Dan Penyelenggaraan Empangan Timah Tasoh, kesemua 6 pintu alur limpah perlu dibuka pada kadar luahan 1m apabila paras air empangan mencapai 29.80m. Pada 31 Oktober 2010, Jabatan telah membuka 4 pintu alur limpah dengan kadar luahan air sebanyak 0.2m ketika paras air empangan mencapai 29.12m. Pada 2 November 2010, bagi mengelakkan bencana yang lebih besar, Jabatan memutuskan untuk membuka semua 6 pintu alur limpah pada kadar luahan 0.7m walaupun paras air empangan mencapai 30.49m. Pelepasan air empangan dengan jumlah isipadu air berskala besar telah menyebabkan air sungai melimpah keluar dan berlaku banjir di kawasan sekitarnya. Hujan lebat di seluruh negeri telah menyebabkan air di kesemua sungai utama Negeri Perlis telah melimpah keluar dan membanjiri kawasan sekitarnya. **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2** menunjukkan Sungai Repoh dan Sungai Perlis telah melimpah keluar ke kawasan perumahan sekitarnya dan menjadi antara penyebab berlakunya banjir besar di Negeri Perlis.

Gambar 4.1
Air Sungai Repoh Telah Melimpah Keluar
Menyebabkan Berlakunya Banjir Sekitarnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sungai Repoh, Perlis
 Tarikh: 5 November 2010

Gambar 4.2
Air Sungai Perlis Telah Melimpah Keluar
Menyebabkan Berlakunya Banjir Sekitarnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sungai Perlis, Perlis
 Tarikh: 5 November 2010

4.4.1.3. Majlis Keselamatan Negara Negeri Perlis melaporkan kerugian yang dialami akibat banjir besar pada tahun 2005 dan 2010 berjumlah RM303.41 juta. Laporan kerugian yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Perlis tersebut adalah seperti di **Jadual 4.2**. Pihak Jabatan memaklumkan bahawa pembinaan sungai lencongan Jajaran Barat hanya berupaya menyelesaikan 1/3 masalah banjir di Negeri Perlis. Bagi penyelesaian menyeluruh terutamanya bagi kawasan Bandar Arau dan Bandar Kangar, pembinaan sungai lencongan Jajaran Timur perlu dilaksanakan juga.

Jadual 4.2
Laporan Kerugian Akibat Banjir Besar Negeri Perlis Pada Tahun 2005 Dan 2010

Bil.	Jabatan/Agensi	Nilai Kerosakan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)
		2005	2010	
Kerosakan Infrastruktur				
1.	Jabatan Kerja Raya	11.00	99.38	110.38
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	7.42	17.34	24.76
3.	Jabatan Pelajaran	4.70	10.94	15.64
4.	Jabatan Kesihatan	3.09	6.89	9.98
5.	Institut Latihan Perindustrian	0.00	9.66	9.66
6.	Jabatan Pertanian	3.95	0.00	3.95
7.	Lain-lain Jabatan/Agensi	3.08	0.91	3.99
Jumlah		33.24	145.12	178.36
Kerosakan Harta Benda Orang Awam				
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (Harta benda)	27.76	41.16	68.92
2.	Jabatan Pertanian (Pertanian dan Ternakan)	46.34	9.79	56.13
Jumlah		74.10	50.95	125.05
Jumlah Keseluruhan Nilai Kerosakan		107.34	196.07	303.41

Sumber: Majlis Keselamatan Negara Negeri Perlis

Pada pendapat Audit, usaha mengurangkan bencana banjir tidak berkesan tanpa pembinaan sungai lencongan.

4.4.2. Projek Menaik Taraf Empangan Timah Tasoh

4.4.2.1. Empangan Timah Tasoh dibina bagi memastikan bekalan air yang mencukupi untuk bekalan air minum dan pengairan serta berfungsi sebagai tebatan banjir. Bagi meningkatkan keupayaannya, empangan ini dicadang untuk dinaik taraf. Projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan, antara lainnya bagi meningkatkan simpanan air selain mengurangkan risiko bencana banjir di hilir empangan terutama pada musim tengkujuh. Komponen projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh adalah seperti di **Jadual 4.3**.


Jadual 4.3
Projek Menaik Taraf Empangan Timah Tasoh

Bil.	Komponen	Naik Taraf	Lama	Baru
1.	Benteng Utama	Meninggikan benteng sebanyak 3.5m		
		Lebar	5m	7m
		Aras Crest	32m	35.67m
		Panjang	3.5km	3.73km
2.	Benteng Pelana (Saddle Dam)	Meninggikan benteng sehingga 8.7m		
		Aras Crest	32.2m	35.9m
		Panjang	1,025m	1,025m
3.	Alur Limpah	Saluran (<i>bay nos</i>) tiada perubahan dan pintu air diguna semula		
		Panjangkan <i>stilling basin</i> 2m		
		Tinggi	27.43m	31.13m
		Takungan	436m ³	477m ³
4.	Alur Limpah Kecemasan	Menambah <i>gabion</i> di sebelah hilir dan saluran (<i>bays</i>) dikekalkan		
		Aras Crest	-	35.8m
5.	Struktur Pembekal Air (Outlet Structure)	Pintu air diguna semula dan titi ditinggikan		
		Aras Atas	31m	34.7m
6.	Ban, jalan kampung dan Jalan Persekutuan	Meninggikan semua jalan sedia ada dan membina ban perlindungan untuk Kampung Tasoh dan tanah pertanian.	-	-

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

4.4.2.2. Projek Menaik Taraf Empangan Timah Tasoh Fasa 1 mula dibina pada bulan Ogos 2008 dan siap pada bulan Februari 2011 dengan kos pembinaan berjumlah RM86.92 juta. Benteng empangan telah ditinggikan sebanyak 3.5m untuk meningkatkan keupayaan menakung air daripada 33 juta meter padu kepada 87.3 juta meter padu. **Rajah 4.1** menunjukkan kedudukan benteng utama empangan yang dinaiktarafkan. **Gambar 4.3** menunjukkan kerja-kerja meninggikan benteng utama empangan sedang dijalankan.

Rajah 4.1
Kedudukan Benteng Utama Empangan Yang Telah Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

Gambar 4.3
Kerja-Kerja Meningkatkan Benteng Utama
Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Empangan Timah Tasoh
 Tarikh: 6 Oktober 2010

4.4.2.3. Projek meningkatkan keupayaan takungan air empangan melibatkan peruntukan besar dan pelaksanaannya yang dijalankan secara berfasa menyebabkan empangan belum boleh berfungsi sepenuhnya. Air takungan Empangan Timah Tasoh yang melebihi paras yang ditetapkan akan dilepaskan melalui struktur alur limpah. Mengikut Manual Operasi Dan Penyenggaraan Empangan Timah Tasoh, pembukaan pintu alur limpah yang dicadangkan adalah seperti di **Jadual 4.4**. Semasa hujan lebat yang berlaku pada 31 Oktober hingga 3 November 2010, Jabatan telah mengambil tindakan membuka pintu alur limpah seperti di **Jadual 4.5** bertujuan untuk menjaga keselamatan benteng empangan daripada pecah dan mengurangkan kerosakan akibat bencana banjir.

Jadual 4.4
Operasi Pembukaan Pintu Alur Limpah

Paras Air Empangan (meter)	Bilangan Pintu Alur Limpah Yang Akan Dibuka	Ketinggian Pintu Alur Limpah Yang Akan Dibuka (meter)
29.20	2 pintu di bahagian tengah	0.2
29.30	4 pintu di bahagian tengah	0.2
29.40	Kesemua 6 pintu	0.2
29.60	Kesemua 6 pintu	0.4
29.80	Kesemua 6 pintu	1.0
30.00	Kesemua 6 pintu	2.0

Sumber: Timah-Tasoh Dam Operation And Maintenance Manual

Jadual 4.5
Operasi Pintu Alur Limpah Semasa Hujan Lebat Pada Tahun 2010

Tarikh	Masa	Paras Air Empangan (meter)	Bilangan Pintu Dibuka	Bukaan (meter)
31.10.2010	10.00 malam	29.12	4	0.2
01.11.2010	10.00 pagi	29.62	6	0.2
	12.00 tengahari	29.75	6	0.3
	3.00 petang	29.95	6	0.4
	6.00 petang	30.14	6	0.6
02.11.2010	1.00 pagi	30.49	6	0.7
03.11.2010	3.00 pagi	30.13	6	0.6
	7.00 pagi	30.04	5	0.6
	9.00 pagi	30.01	5	0.5
	2.00 petang	29.93	4	0.6
5.11.2010	4.00 pagi	29.36	2	0.6

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis


4.4.2.4. Di sebalik tindakan Jabatan mengurangkan perlepasan air, kejadian banjir besar masih berlaku pada tahun 2010 kerana taburan hujan lebat secara menyeluruh di Negeri Perlis. Pintu alur limbah yang masih belum dinaik taraf dan komponen-komponen lain yang masih belum dilaksanakan menyebabkan empangan tidak mampu menampung lebih banyak air. Projek menaik taraf alur limbah dan komponen-komponen lain dicadangkan untuk dilaksanakan pada Fasa II. Jabatan tidak dapat melaksanakan projek secara holistik disebabkan peruntukan kewangan yang terhad. **Gambar 4.4** menunjukkan alur limbah sedia ada yang belum dinaik taraf yang mengakibatkan air takungan Empangan Timah Tasoh melimpah keluar. **Gambar 4.5** menunjukkan air takungan empangan telah melimpah keluar melalui bahagian atas pintu alur limbah manakala **Gambar 4.6** menunjukkan struktur alur limbah hampir tenggelam pada 2 November 2010, semasa air empangan melepasi paras maksimum 30.49m.

Gambar 4.4
Struktur Alur Limpah Sedia Ada
Yang Belum Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Timah Tasoh
Tarikh: 23 November 2010

Gambar 4.5
Keadaan Air Yang Melimpah Keluar
Melepasi Pintu Alur Limpah



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis
Lokasi: Empangan Timah Tasoh
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 4.6
Struktur Alur Limpah
Hampir Tenggelam



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis
Lokasi: Empangan Timah Tasoh
Tarikh: 2 November 2010

Pada pendapat Audit, projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh yang dijalankan secara berfasa tidak dapat memberikan manfaat segera kepada rakyat serta tidak dapat mengurangkan risiko bencana banjir yang berlaku di Negeri Perlis.

4.4.3. Kawasan Alur Limpah Tidak Dipagar

Empangan Timah Tasoh telah diletakkan di bawah Perintah Kawasan Larangan (No. 2) 1996 pada 15 Ogos 1993 mengikut Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959. Kawasan empangan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan terdiri daripada kawasan yang digazetkan sekitar 500 meter bahagian hulu dan hilir benteng utama, termasuk struktur alur limpah utama, struktur pembekal air, *gauge house*, empangan pelana

dan kawasan pejabat. Kawasan di bawah tanggungjawab Jabatan perlu dipagar untuk menjamin keselamatan kawasan empangan. Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati kawasan sekitar alur limbah tidak dipagar sepenuhnya. Pencerobohan ke kawasan alur limbah boleh berlaku menerusi Jalan Kangar - Padang Besar. Pencerobohan boleh mendatangkan risiko pencemaran air dan kacau ganggu operasi alur limbah. **Gambar 4.7** menunjukkan kawasan berhampiran alur limbah yang tidak dipagar.

Gambar 4.7
Kawasan Berhampiran Alur Limbah Tidak Dipagar



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

Pada pendapat Audit, kawasan berhampiran alur limbah yang tidak dipagar keseluruhannya boleh menyebabkan berlakunya pencerobohan dan mengancam keselamatan alur limbah khususnya dan kawasan empangan amnya.

4.4.4. Projek Rumah Pam Kuala Perlis

4.4.4.1. Pembinaan Rumah Pam Kuala Perlis dilaksanakan untuk mengeluarkan air akibat banjir kilat dari kawasan perumahan Kuala Perlis terus masuk ke laut. Projek ini yang terdiri daripada pembinaan rumah pam dan pemasangan pam yang menelan belanja berjumlah RM841,000 adalah bertujuan untuk mencegah banjir yang disebabkan air pasang di Sungai Perlis dan menyediakan sistem saliran yang lebih teratur. Projek dilaksanakan secara berperingkat kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakannya secara holistik. Akibatnya, projek tidak dapat dimanfaatkan oleh penduduk sekitar selama satu tahun dari tarikh penyiapan Rumah Pam Kuala Perlis pada tahun 2009 disebabkan pemasangan pam hanya dilaksanakan pada penghujung tahun 2010.

4.4.4.2. Projek pembinaan Rumah Pam Kuala Perlis dengan kos berjumlah RM470,828 dilaksanakan pada bulan November 2009 dan diperakukan siap pada bulan Disember 2009. Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati sebahagian komponen Rumah Pam Kuala Perlis yang bernilai RM58,300 masih belum dipasang oleh kontraktor walaupun pembayaran telah dijelaskan sepenuhnya oleh Jabatan pada tahun 2009. Jadual 4.6 menunjukkan komponen Rumah Pam Kuala Perlis yang belum dipasang oleh kontraktor.

Jadual 4.6
Komponen Rumah Pam Yang Belum Dipasang Oleh Kontraktor
Tetapi Bayaran Telah Selesai

Bil.	Komponen Yang Belum Dipasang	Jumlah (RM)
1.	<i>Aluminium Trash Screen</i> bersaiz 1.50m x 2.00m	5,500
2.	<i>Stainless Steel Cat Ladder with handrail</i>	8,000
3.	<i>Stainless Steel Handrailing</i> bersaiz 1200mm sepanjang 32m	44,800
Jumlah		58,300

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

4.4.4.3. Temu bual Audit dengan Pengarah Jabatan mendapati komponen tersebut disahkan telah berada di pejabat kontraktor. Bagaimanapun pemasangan komponen tersebut tidak dibuat bagi mengelak berlakunya kesulitan semasa kerja pemasangan pam, selain mengurangkan risiko kecurian dan vandalisme terhadap komponen yang telah dipasang. Pembayaran terpaksa dibuat memandangkan peruntukan negeri adalah terhad dan sukar untuk mendapat peruntukan di tahun hadapan. Sungguhpun alasan tersebut adalah munasabah, tetapi pihak Jabatan perlu menjaga kepentingan Kerajaan. Pihak Jabatan sepatutnya boleh membayar mengikut kerja-kerja yang dilaksanakan dan nilai barangan di tapak sahaja dan tidak membayar sepenuhnya. Lawatan Audit ke tapak projek pada November 2010 mendapati pagar dawai berangkai yang telah dipasang, telah dirosakkan dan dicuri seperti di **Gambar 4.8**. Oleh kerana pemasangan pam lewat disempurnakan, Rumah Pam yang siap dibina pada bulan Disember 2009 tidak berfungsi dan tidak boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Keadaan Rumah Pam Kuala Perlis semasa lawatan Audit pada bulan November 2010 adalah seperti di **Gambar 4.9**.

Gambar 4.8
Pagar Rumah Pam
Yang Telah Dirosakkan Dan Dicuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 24 November 2010

Gambar 4.9
Rumah Pam Tidak Berfungsi
Kerana Pam Belum Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 24 November 2010


4.4.4.4. Lawatan susulan Audit pada bulan Februari 2011 mendapati setelah teguran Audit, komponen Rumah Pam tersebut telah siap dipasang setelah pemasangan pam selesai dilaksanakan pada bulan Disember 2010. Pagar konkrit telah dibina bagi menggantikan pagar dawai berangkai yang telah dirosakkan dan dicuri untuk mengelakkan Rumah Pam Kuala Perlis diceroboh. **Gambar 4.10** hingga **Gambar 4.15** menunjukkan komponen sebelum dan selepas pemasangan oleh kontraktor. **Gambar 4.16** pula menunjukkan pagar konkrit telah dibina bagi menggantikan pagar dawai berangkai yang sebelum ini telah dicuri.

Gambar 4.10
Lokasi Aluminium Trash Screen
Patut Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 10 Februari 2011

Gambar 4.11
Aluminium Trash Screen
Setelah Dipasang



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 17 Februari 2011

Gambar 4.12
Lokasi Stainless Steel Cat Ladder With
Handrail Patut Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 23 Disember 2010

Gambar 4.13
Stainless Steel Cat Ladder With
Handrail Setelah Dipasang



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 17 Februari 2011

Gambar 4.14
Lokasi Stainless Steel Handrailing
Patut Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 10 Februari 2011

Gambar 4.15
Stainless Steel Handrailing
Setelah Dipasang



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 17 Februari 2011

Gambar 4.16
Pagar Konkrit Rumah Pam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 10 Februari 2011

4.4.4.5. Pemasangan pam telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM370,000 menggunakan peruntukan Projek Rancangan Tebatan Banjir Di Luar Kawasan Pertanian. Pam sepatutnya dibekalkan dan dipasang pada bulan September 2010. Bagaimanapun, pemasangannya hanya disiapkan pada bulan Disember 2010 dengan lanjutan masa selama 3 bulan. Kelewatan pemasangan disebabkan kontraktor lewat menerima *screw pump* daripada pembekal luar negara. Kelewatan menyiapkan pelaksanaan projek telah menyebabkan berlakunya vandalisme terhadap komponen Rumah Pam serta projek lewat dimanfaatkan oleh penduduk kawasan perumahan Kuala Perlis. **Gambar 4.17** menunjukkan kerja pemasangan pam untuk Rumah Pam Kuala Perlis yang dijalankan pada bulan Disember 2010. Pihak Jabatan dalam maklum balasnya menyatakan bahawa pembinaan projek tidak dijalankan serentak bagi mengelakkan bebanan kewangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan .

Gambar 4.17
Kerja-Kerja Pemasangan Pam Sedang Dijalankan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Perlis
Tarikh: 23 Disember 2010*

Pada pendapat Audit, pembinaan Rumah Pam Kuala Perlis adalah tidak memuaskan kerana dilaksanakan secara berfasa menyebabkan Rumah Pam tidak berfungsi dengan segera dan berlakunya vandalisme terhadap komponen projek.

4.4.5. Penyenggaraan Sistem Saliran Tidak Dilakukan

Jawatankuasa Parit Dan Saliran Negeri Perlis diwujudkan oleh Jawatankuasa Teknikal Tanah yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Tanah, Penguatkuasaan Dan Kepenggunaan. Jawatankuasa ini diwujudkan bagi membincangkan masalah perparitan di kawasan perumahan dan mencadangkan kaedah penyelesaiannya. Jawatankuasa ini telah mengadakan lawatan ke lokasi dan sistem perparitan yang menghadapi masalah banjir kilat untuk diambil tindakan sewajarnya. Mesyuarat Jawatankuasa Parit Dan Saliran pada 25 Julai 2006 telah bersetuju supaya Jabatan bertanggungjawab menangani masalah saliran dengan membina dan menyenggara parit utama sebagai saliran utama air keluar ke sungai. Parit, parit kecil/parit jari bagi kawasan perumahan termasuk parit yang masuk ke parit utama, adalah di bawah tanggungjawab pemaju perumahan atau Majlis Perbandaran Kangar. Keputusan ini dibuat untuk mengelak berlakunya pertindihan tanggungjawab menyenggara sistem saliran. Jawatankuasa telah memutuskan saiz perparitan adalah Parit Kecil (0.9 meter), Parit Utama (1.2 meter) dan Parit Monsun (1.8 meter). Sistem saliran dan perparitan hendaklah disenggara secara tetap dan berkala untuk melancarkan aliran air bagi mengelak berlakunya banjir. Pengarah Jabatan memaklumkan bahawa Jabatan tidak diberi peruntukan kewangan yang mencukupi untuk kerja penyenggaraan semua projek saliran bandar yang telah dibina. Lawatan Audit pada bulan November 2010 dan bulan Februari 2011 ke projek saliran yang telah siap dibina mendapati perkara berikut:

4.4.5.1. Projek Saliran Tebatan Banjir Taman Semarak, Kuala Perlis dibina untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan perumahan taman tersebut. Kos projek berjumlah RM189,900 dan diperakukan siap dibina sepenuhnya pada 30 Disember 2009.

Lawatan Audit mendapati parit 'U' yang dibina tidak disenggarakan dengan baik. Parit yang dibina telah ditumbuhi dengan pelbagai tumbuhan menyebabkan laluan air tersekat, bertakung dan tidak dapat dialirkan dengan baik seperti di **Gambar 4.18**.

Gambar 4.18
Parit Dilitupi Tumbuhan Kecil
Dan Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Semarak, Kuala Perlis
Tarikh: 24 November 2010

4.4.5.2. Lawatan Audit pada bulan Februari 2011 terhadap parit senggaraan Jabatan di kawasan Kuala Perlis, Mata Ayer dan Kangar turut mendapati ianya tidak disenggarakan dengan baik. Parit yang dibina telah dilitupi dengan tumbuhan, dipenuhi sampah-sarap serta kelodak menyebabkan aliran air tersekat seperti yang ditunjukkan di **Gambar 4.19** hingga **Gambar 4.22**. Pihak Jabatan memaklumkan kerja penyenggaraan dilaksanakan menggunakan peruntukan mengurus tahunan Jabatan. Peruntukan yang terhad tidak mencukupi untuk membiayai kos penyenggaraan semua sistem saliran secara kerap.

Gambar 4.19
Tumbuh-Tumbuhan Dan Sampah
Di Dalam Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Kubu, Kuala Perlis
Tarikh: 10 Februari 2011

Gambar 4.20
Parit Dilitupi Tumbuh-Tumbuhan
Dan Kelodak Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Oran, Jalan Mata Ayer, Mata Ayer
Tarikh: 10 Februari 2011

Gambar 4.21
Parit Dilitupi Tumbuh-Tumbuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ira, Kangar
Tarikh: 10 Februari 2011

Gambar 4.22
Parit Dipenuhi Dengan Sampah-Sarap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Raja Syed Alwi, Kangar
Tarikh: 10 Februari 2011

Pada pendapat Audit, tahap pencapaian penyenggaraan sistem saliran adalah tidak memuaskan kerana kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan secara berkala oleh Jabatan.

4.4.6. Projek Tebatan Banjir Di Taman Jejawi, Jejawi

Projek Tebatan Banjir di Taman Jejawi, Jejawi bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan perumahan tersebut. Jabatan melaksanakan projek ini kerana sistem perparitan di perumahan Taman Mesra yang dibangunkan bersebelahan telah menjejaskan sistem perparitan kawasan perumahan Taman Jejawi sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat semasa hujan lebat. Ia disebabkan sistem perparitan sedia ada di Taman Jejawi bersaiz kecil dan tidak mampu menampung tambahan aliran air yang banyak dari Taman Mesra. Jabatan telah melaksanakan 3 projek tebatan banjir pada tahun 2008 dan 2009 melibatkan kos projek berjumlah RM473,719 bagi masalah banjir kilat di Taman Jejawi. Tiga projek tersebut adalah seperti di **Jadual 4.7**. Jabatan terpaksa melaksanakan projek tersebut secara berperingkat disebabkan sumber kewangan Kerajaan Negeri yang terhad. Akibatnya, masalah banjir tidak dapat diselesaikan segera walaupun projek tebatan banjir telah dilaksanakan di beberapa sistem saliran kawasan perumahan Taman Jejawi dan Taman Mesra pada tahun 2008. Bagaimanapun, masalah banjir kilat tersebut telah dapat diatasi pada tahun 2009 setelah projek siap sepenuhnya.

Jadual 4.7
Butiran Projek Tebatan Banjir Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Tajuk Projek	Tarikh Siap Projek	Jumlah (RM)
1.	Membina parit monsun dan kerja-kerja lain di Taman Mesra, Jejawi.	15.12.2008	150,827
2.	Menaik taraf sistem saliran serta kerja berkaitan di Taman Jejawi, Jejawi.	24.12.2008	139,852
3.	Kerja menaik taraf sistem saliran di Taman Mesra (Fasa II), Jejawi.	28.09.2009	183,040
Jumlah			473,719

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis

Pada pendapat Audit, pengurusan Rancangan Tebatan Banjir di Taman Jejawi, Jejawi adalah memuaskan kerana projek yang dilaksanakan telah dapat mengatasi sepenuhnya masalah banjir kilat yang berlaku sebelum ini.

4.4.7. Maklum Balas Mangsa Banjir Terhadap Pengurusan Rancangan Tebatan Banjir


4.4.7.1. Pengurusan rancangan tebatan banjir hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir di kawasan kediaman dan pertanian. Bagi menilai tahap keberkesanan pengurusan Rancangan Tebatan Banjir oleh Jabatan, borang soal selidik telah diedarkan selepas kejadian banjir kepada 100 responden, terdiri daripada mangsa banjir pada tahun 2010, untuk memperoleh pendapat mereka berkenaan punca kepada berlakunya kejadian banjir. Pihak Audit telah mengenal pasti dan menyenaraikan 3 punca yang menyebabkan berlakunya banjir. Punca ini dikenal pasti kerana ianya saling berkaitan iaitu berpunca daripada hujan lebat dan air sungai melimpah, pelepasan air Empangan Timah Tasoh dan longkang tersumbat.

4.4.7.2. Seramai 52 responden menyatakan punca utama banjir adalah disebabkan hujan lebat dan air sungai melimpah berbanding 29 responden berpendapat ia disebabkan pelepasan air Empangan Timah Tasoh. Manakala 19 responden lagi berpendapat disebabkan oleh longkang yang tersumbat. Semakan Audit mendapati hujan lebat yang berterusan berlaku selama 3 hari pada 30 Oktober hingga 1 November tahun 2010 telah menyebabkan air sungai melimpah dan mengakibatkan banjir. Longkang dan parit yang dilitupi tumbuhan dan sampah-sarap turut menyumbang kepada berlakunya banjir kilat kerana aliran air yang tidak lancar.

4.4.7.3. Jabatan bertanggungjawab menangani dan mengawal masalah banjir melalui Rancangan Tebatan Banjir di kawasan yang telah dikenal pasti. Borang soal selidik yang diedarkan mendapati 82 responden menyatakan projek Rancangan Tebatan Banjir yang dilaksanakan tidak dapat mengatasi masalah banjir kerana telah berlaku banjir besar pada tahun 2005 dan 2010. Manakala 8 responden berpendapat projek yang dilaksanakan tidak dapat mengatasi masalah banjir tetapi dapat mengurangkan paras air banjir kawasan perumahan mereka seperti di Kampung Lembah Biak, Beseri, Perlis. Enam responden menyatakan projek yang dilaksanakan berjaya mengatasi masalah

banjir manakala 4 responden tidak mengetahui projek Rancangan Tebatan Banjir ada dilaksanakan oleh Jabatan. **Carta 4.1** menunjukkan pendapat responden berkenaan keberkesanan pengurusan Rancangan Tebatan Banjir.

Carta 4.1
Pendapat Responden Berkenaan Keberkesanan Pengurusan Rancangan Tebatan Banjir Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4.7.4. Manakala cadangan daripada responden kepada Jabatan bagi mengurangkan kejadian banjir di Negeri Perlis adalah seperti berikut:

- a. membina *box culvert* di sepanjang jalan bagi melancarkan aliran air semasa musim hujan;
- b. membina kunci air/tandup bagi mengawal aliran air ke sungai;
- c. mendalam dan melebarkan sungai dan saliran sedia ada;
- d. membina sungai baru bagi mengalirkan lebih air dari Empangan Timah Tasoh terus ke laut; dan
- e. memastikan sungai sedia ada tidak ditimbus untuk tujuan pembangunan.

Pada pendapat Audit, secara umumnya soal selidik berkenaan menunjukkan bahawa rakyat berharap agar pengurusan Rancangan Tebatan Banjir dapat diurus dengan baik bagi mengatasi masalah banjir di Negeri Perlis.

4.5 SYOR AUDIT

Bagi memastikan rancangan tebatan banjir dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif, berikut adalah syor Audit untuk dipertimbangkan:

4.5.1. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan perlu mengutamakan pembinaan sungai lencongan seperti yang dicadangkan bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir di Negeri Perlis.

4.5.2. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan perlu menimbangkan keutamaan projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh yang meliputi semua komponen.

4.5.3. Jabatan perlu membuat perancangan dan penyelarasan dengan lebih teliti bagi projek pembinaan rumah pam di masa hadapan agar komponen pam dapat dipasang segera sebaik sahaja ia siap dibina supaya dapat dimanfaatkan dengan segera.

4.5.4. Jabatan perlu memohon peruntukan kewangan untuk memagar kawasan alur limbah sepenuhnya untuk memastikan operasi alur limbah berjalan lancar dan tidak berlaku pencerobohan.

4.5.5. Jabatan perlu memohon peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan sistem saliran secara berkala serta mengaktifkan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan penglibatan masyarakat.

5. SISTEM ePBT

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Jabatan Kerajaan Tempatan (Jabatan) bersama-sama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kementerian) dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (Sistem ePBT) yang menggunakan kombinasi konsep pelayan pelanggan dan sesawang bermula tahun 2006. Syarikat GW Intech Sdn. Bhd. (Vendor) telah dilantik sebagai kontraktor untuk membangunkan sistem tersebut. Sistem ePBT berfungsi untuk melaksanakan tugas bagi semua jabatan dan bahagian dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan dilengkapi komponen yang bercirikan MIS (*Management Information System*), *Business Process*, aliran kerja dan DSS (*Decision Support System*). Sistem ePBT dibangunkan untuk tujuan berikut:

5.1.1.1. Meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan negara selaras dengan rancangan dan dasar Kerajaan berkenaan ICT;

5.1.1.2. Merapatkan jurang perbezaan teknologi maklumat antara PBT yang berkemampuan dengan PBT yang kurang berkemampuan; dan

5.1.1.3. Memaksimumkan penggunaan sumber melalui budaya perkongsian pintar di mana PBT yang maju dalam sesebuah negeri membantu PBT lain yang kurang maju dalam sistemnya.

5.1.2. Projek perintis Sistem ePBT telah dilaksanakan di 2 buah negeri iaitu 3 buah PBT di Negeri Perak dan 3 buah PBT di Negeri Sembilan serta melibatkan kedua-dua Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berkenaan. Fasa I telah diperluaskan ke seluruh PBT di Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Perlis, Selangor dan Terengganu bermula bulan Jun 2007. Fasa II pula melibatkan Negeri Pahang, Kedah dan Kelantan. Sebanyak 31 buah PBT telah menggunakan sistem ini di seluruh Malaysia yang melibatkan kos sejumlah RM8.60 juta yang merangkumi kos pelaksanaan, perkakasan dan perisian. Pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) secara berperingkat bermula pada bulan Mac 2008 dengan kos sejumlah RM0.31 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan. Ciri-ciri penting Sistem ePBT adalah seperti berikut:

5.1.2.1. Modul sistem dibangunkan secara integrasi antara semua modul.

5.1.2.2. Mampu melaksanakan kutipan luar (*off-line*).

- 5.1.2.3. Mampu melaksanakan kaunter setempat kerana semua sistem boleh dicapai melalui satu skrin.
- 5.1.2.4. Modul kutipan cukai tanah telah disediakan untuk digunakan secara opsyen.
- 5.1.2.5. Boleh berintegrasi dengan alat *hand-held* untuk modul kompaun kenderaan.
- 5.1.2.6. Segala kutipan dikemas kini secara automatik ke dalam sistem perakaunan.
- 5.1.2.7. Data di PBT dihantar ke SUK bagi Sistem Pelaporan SUK.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pembangunan dan pengurusan ePBT di Majlis Perbandaran Kangar telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

5.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pembangunan dan pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Kangar bagi tempoh tahun 2007 sehingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa, mengkaji dan menganalisis data melalui fail, rekod dan dokumen berkaitan seperti minit mesyuarat, laporan, kontrak perjanjian, daftar aduan dan dokumen kewangan. Ujian *walk-through* modul dijalankan terhadap sistem yang telah dibangunkan oleh Vendor. Analisis data ePBT menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) dibuat bagi memastikan integriti data dari aspek kesahihan, ketepatan, kesempurnaan dan kemas kini. Selain itu, perbincangan diadakan dengan pegawai yang terlibat dalam penggunaan Sistem ePBT.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya, penggunaan Sistem ePBT yang dibekalkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan adalah tidak memuaskan kerana penggunaannya masih belum mencapai tahap optimum walaupun telah hampir 3 tahun dilaksanakan. Majlis masih menghadapi masalah adaptasi kepada persekitaran Sistem ePBT bagi memenuhi keperluan semasa. Selain itu, salinan kontrak tidak diberikan kepada Majlis, integriti dan kesahihan data diragui dan penyata kewangan tidak dapat dijana secara automatik. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1. Pengurusan Data

Pengurusan data yang berkesan adalah penting untuk memastikan hanya transaksi yang lengkap dan sah dikunci masuk dalam sistem, diproses, dijana dan disimpan selamat. Pihak Audit telah membandingkan Borang Senarai Nilai (Borang) yang diperolehi daripada Bahagian Penilaian dengan data yang terdapat dalam Sistem ePBT. Analisis Audit yang dijalankan mendapati perkara berikut:

5.4.1.1. Data Output Berbeza Dengan Data Dalam Borang Senarai Nilai

Borang adalah sumber utama untuk dikunci masuk ke dalam Sistem ePBT. Sebanyak 100 sampel akaun pemilik dalam Borang dari 6 taman perumahan di Negeri Perlis telah dipilih untuk dibandingkan dengan data yang terdapat dalam Sistem ePBT. Semakan Audit yang dijalankan mendapati 46 kes daripada 100 sampel data pemilik akaun yang terdapat dalam Sistem ePBT adalah berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam Borang. Perbezaan tersebut melibatkan tiada nombor hak milik, tarikh kuat kuasa nilai berbeza, nilai tahunan dan cukai pintu berbeza, tiada tarikh Sijil Menduduki (*Occupied Certificate*) dan tiada tarikh *Assessment Committee Meeting* (ACM), nama pemilik dan nombor hak milik berbeza. Perbezaan ini berlaku disebabkan data yang dikunci masuk tidak disemak dengan teliti oleh pegawai penyelia. Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada bukti menunjukkan proses semakan semula oleh pegawai di Bahagian Teknologi Maklumat selepas migrasi data disempurnakan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kesilapan maklumat dalam bil taksiran yang dicetak dan menimbulkan kesulitan kepada pelanggan. Butiran lanjut perbezaan tersebut adalah seperti **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Perbezaan Data Dalam Sistem ePBT Berbanding Borang Senarai Nilai

Bil.	Keterangan	Jumlah Akaun Pemilik
1.	Nombor hak milik tiada dalam Sistem ePBT	3
2.	Perbezaan tarikh kuat kuasa nilai	2
3.	Perbezaan nilai tahunan dan cukai pintu	5
4.	Tiada tarikh Sijil Menduduki dan tiada tarikh ACM dalam Sistem ePBT	29
5.	Perbezaan nama pemilik	4
6.	Perbezaan nombor hak milik	3

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

5.4.1.2. Integriti Data Sistem ePBT Diragui

Pihak Audit telah mengambil keseluruhan data yang terdapat dalam Sistem ePBT yang diperoleh daripada Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan untuk dianalisis. Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk memastikan data yang terdapat dalam sistem adalah sahih dan tepat serta bebas daripada sebarang kesilapan. Analisis Audit mendapati 7,890 atau 33.7% daripada 23,369 pemilik tidak mempunyai nombor hak milik, 993 atau 1% daripada 104,526 resit yang direkodkan berjumlah RM0.99 juta tidak mempunyai nombor bil dan 3,490 atau 3.3% daripada 104,526 resit yang direkodkan berjumlah RM2.90 juta mempunyai nombor resit yang bertindih. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.2**. Perkara ini berlaku disebabkan pemutihan data tidak dilakukan secara menyeluruh dan tidak dibuat semakan serta pengujian setelah migrasi dilakukan oleh Vendor. Integriti data diragui dan kesilapan mencetak bil taksiran turut menyulitkan pemilik.

Jadual 5.2
Ketidaktepatan Data Sistem ePBT

Bil.	Keterangan	Rekod
1.	Tiada nombor hak milik	7,890
2.	Resit dikeluarkan tanpa nombor bil	993
3.	Nombor resit bertindih	3,490

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

Pada pendapat Audit, pengurusan data adalah tidak memuaskan kerana integriti data dalam Sistem ePBT diragui. Proses pemutihan data dalam Sistem ePBT tidak dilaksanakan menyebabkan berlakunya kesilapan maklumat yang dicetak dan menimbulkan kesulitan kepada pelanggan.

5.4.2. Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem ePBT

Mengikut Perjanjian Perluasan Sistem ePBT dan Perjanjian Tambahan mengenainya, Vendor dikehendaki membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah peralatan komputer; menyeragamkan kod-kod, struktur jadual dan format laporan; pemasangan, konfigurasi dan uji guna Sistem ePBT; memberi latihan penggunaan modul kepada kakitangan yang mengendalikan perkakasan dan perisian; mengendali dan menyelaras uji guna sistem dan pengesahan oleh pengguna sistem; mengendali dan menyelaras latihan teknikal dan memastikan pemindahan teknologi berjalan lancar. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

5.4.2.1. Modul/Sistem ePBT Tidak Digunakan Sepenuhnya

Sehingga 31 Disember 2010, daripada 22 modul yang dibangunkan, sebanyak 10 modul telah digunakan sepenuhnya, 5 modul digunakan antara 33.3% hingga 94.7% dan 7 modul lagi masih belum digunakan yang terdiri daripada Modul Pelaburan, Sistem Pengurusan Harta, Modul Pengurusan Projek, Modul Penutupan Hujung Tahun, Sistem Aduan, Sistem Pelaporan ke SUK dan Sistem *Online*. Peratusan penggunaan keseluruhan sistem oleh Majlis adalah pada tahap 73%. Temu bual Audit dengan Pegawai Teknologi Maklumat mendapati Modul Pelaburan, Modul Pengurusan Projek, Modul Aduan dan Modul Penutupan Hujung Tahun masih belum digunakan. Modul Pengurusan Harta memerlukan penambahbaikan bagi mematuhi pekeliling berkaitan pengurusan aset Kerajaan. Sistem *Online* akan digunakan selepas pemasangan semula perisian dan *router* baru bagi tujuan *bridge* data. Sistem Pelaporan SUK akan digunakan bersama dengan Sistem *Online*. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai Majlis lebih selesa menggunakan sistem lama. Melalui temu bual Audit dengan pengguna mendapati latihan yang diberikan oleh Vendor juga terlalu umum dan tidak menerangkan fungsi menu serta proses kerja sistem secara terperinci. Sistem dan modul yang tidak digunakan sepenuhnya oleh Majlis menyebabkan penyata kewangan tidak dapat dijana. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Kedudukan Kesiediaan Dan Penggunaan Sistem Dan Modul ePBT

Sistem	Modul	Kesiediaan Sistem (%)	Penggunaan Sistem (%)	Ulasan
ID Pelanggan	-	100	100	-
Sistem Hasil	Sistem Kutipan	100	100	-
	Sistem Penilaian	100	79	-
	Sistem Taksiran	100	75	-
	Sistem Pelesenan	100	100	-
	Sistem Sewaan	100	100	-
	Sistem Kompaun	100	100	-
	Sistem Terimaan Pelbagai	100	100	-
Sistem Perakaunan	Sistem Lejar Am	100	33.3	-
	Sistem Jurnal	100	87.5	-
	Sistem Belanjawan	100	100	-
	Sistem Akaun Kena Bayar	100	94.7	-
	Sistem Pengurusan Tunai	100	100	-
	Sistem Personalialia dan Gaji	100	100	-
	Sistem Pinjaman	100	100	-
	Sistem Pelaburan	100	0	Selesa dengan cara manual
	Sistem Pengurusan Harta (penambahbaikan)	0	0	Modul Penambahbaikan
	Sistem Pengurusan Projek	100	0	Selesa dengan cara manual
	Sistem Penutupan Hujung Tahun	100	0	Tidak boleh diproses kerana tidak menggunakan keseluruhan modul.
Sistem Aduan	-	100	0	Akan diguna pada tahun 2011
Sistem Pelaporan Ke SUK	-	0	0	Akan digunakan bersama Sistem Online
Sistem Online	-	0	0	Akan digunakan selepas Pemasangan Perisian dan router untuk tujuan <i>bridge</i> data
Peratusan Pelaksanaan Sistem ePBT		86.4%	62.3%	-

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

5.4.2.2. User Acceptance Test (UAT) Dan Final Acceptance Test (FAT) Tidak Sempurna Dilaksanakan Oleh Vendor

- a. UAT merupakan ujian yang dilakukan oleh pengguna sistem untuk memastikan sistem yang dibangunkan telah sedia untuk digunakan sebagaimana yang dirancang. FAT merupakan ujian terakhir terhadap sesuatu sistem untuk memastikan sistem beroperasi dengan sempurna. Semakan Audit mendapati UAT dijalankan secara berperingkat mulai 15 November 2008 hingga 24 Mac 2009 bagi semua sistem/modul kecuali Sistem ID Pelanggan, Sistem Online dan Modul Pengurusan Projek/Harta.

Bagaimanapun, skrip pengujian UAT yang disediakan hanya tertumpu kepada kebolehan mengakses ke menu paparan utama dan borang-borang berkenaan sahaja. Keadaan ini menyebabkan kebolehgunaan dan keberkesanan sistem tidak dapat diketahui kerana ujian yang dijalankan adalah tidak menyeluruh.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan FAT telah dijalankan dengan terperinci. Melalui temu bual Audit dengan Setiausaha Majlis, pihak Audit dimaklumkan Majlis dikehendaki menandatangani Sijil FAT pada 13 Mei 2009 bagi membolehkan bayaran dibuat kepada Vendor. Perkara ini berlaku kerana Majlis tidak mengetahui skop dan prosedur sebenar FAT yang perlu dilaksanakan oleh Vendor.

5.4.2.3. Pegawai Teknologi Maklumat, Jabatan Kerap Bertukar

- a. Jabatan selaku penyelaras dan penggerak Sistem ePBT bertanggungjawab memastikan sistem digunakan secara menyeluruh oleh PBT. Pemantauan perlu dijalankan terhadap perkembangan pelaksanaan sistem selain mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Bagi memastikan Sistem ePBT dilaksanakan dengan efisien, Jabatan telah menempatkan seorang Pegawai Teknologi Maklumat (gred FT41) untuk membantu Majlis dalam melaksanakan Sistem ePBT.
- b. Semakan Audit mendapati Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Majlis sering bertukar ganti. Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan juga tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman berkenaan Sistem ePBT. Pegawai berkenaan mengambil masa untuk memahami proses kerja Majlis sebelum dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang timbul. Sejak pelaksanaan Sistem ePBT, seramai 3 orang Pegawai Teknologi Maklumat telah bertukar ganti. Jawatan ini telah dikosongkan sejak Januari 2011. Oleh itu, Pegawai Teknologi Maklumat Majlis perlu menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi atau merujuk terus kepada Vendor. Ini menyebabkan tiada kesinambungan kerja bagi memastikan sistem ini berjalan lancar.

5.4.2.4. Perkhidmatan Meja Bantuan Kurang Berkesan

Meja Bantuan diwujudkan bertujuan untuk membantu melancarkan penggunaan sesuatu sistem dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna. Semakan Audit mendapati Meja Bantuan Sistem ePBT masih dikendalikan sepenuhnya oleh Vendor, walaupun tempoh jaminan telah tamat pada 12 Januari 2010. Masalah yang timbul mengambil masa yang lama untuk diselesaikan kerana perlu dirujuk kepada Vendor atau PBT lain. Keadaan ini berlaku disebabkan Jabatan Kerajaan Tempatan tidak menyediakan Modul Meja Bantuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Majlis.

5.4.2.5. Sistem Perakaunan Tidak Mesra Pengguna

Majlis menggunakan Sistem ePBT secara berperingkat mulai bulan Mac 2008. Secara keseluruhannya, tahap penggunaan Sistem Perakaunan adalah setakat 61.6%. Modul yang tidak digunakan adalah modul Pelaburan, Pengurusan Projek dan Penutupan

Hujung Tahun. Majlis sedang dalam proses untuk memasukkan dan mengemaskinikan data, membetulkan kod carta akaun piawai dan mengenal pasti kelemahan yang ada supaya Penyata Kewangan dapat disediakan dengan menggunakan Sistem ePBT. Sistem Perakaunan tidak mesra pengguna kerana tidak mempunyai sambungan atau langkah pintas antara paparan dengan paparan yang lain. Pengguna terpaksa keluar dari paparan sedia ada untuk ke paparan yang lain dan ini mengambil masa.

Pada pendapat Audit, Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis adalah tidak memuaskan kerana pembangunan Modul dan Sistem ePBT tidak digunakan sepenuhnya, perkhidmatan Meja Bantuan kurang berkesan, Sistem Perakaunan tidak mesra pengguna, Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan kerap bertukar ganti menyebabkan tiada kesinambungan kerja dalam memastikan sistem berjalan lancar.

5.4.3. Kawalan Keselamatan Data Dan Sistem ePBT

Pengurusan keselamatan data adalah perlu bagi memastikan semua data sentiasa terkawal daripada pencerobohan fizikal dan selamat daripada ancaman persekitaran demi menjaga integriti data dari aspek kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan data. Proses ini termasuk mewujudkan polisi, standard, prosedur dan tanggungjawab keselamatan IT.

5.4.3.1. Tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) Untuk Kaedah Pelaksanaan *Back-Up*

Back-up data merupakan satu kaedah bagi menjaga keselamatan data agar sentiasa terpelihara daripada sebarang kejadian yang boleh mengakibatkan kehilangan data. Sungguhpun begitu, Majlis tidak mempunyai SOP bagi kaedah pelaksanaan *back-up* data. Pegawai Teknologi Maklumat Majlis hanya melaksanakan *back-up* berdasarkan inisiatif sendiri iaitu secara harian selepas jam 5.00 petang dan menyimpannya dalam cakera keras komputer/cakera padat. *Back-up* data tidak direkodkan dalam daftar, tiada *off-site back-up* dan tiada bukti menunjukkan data yang di simpan ada dibuat ujian kebolegunaannya. Keadaan ini menunjukkan aspek keselamatan data kurang diberi perhatian oleh Majlis yang boleh menyebabkan kehilangan data sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran, pencerobohan dan kerosakan kepada komputer serta server.

5.4.3.2. Sistem Tidak Mempunyai Jejak Audit Dan Sistem Log

Sesuatu sistem yang dibangunkan hendaklah mempunyai jejak audit bagi merekod maklumat transaksi seperti tarikh, masa, lokasi, pengguna dan aktiviti yang dijalankan termasuk perubahan kepada sistem aplikasi dan capaian serta cubaan capaian oleh penggadam (*hackers*). Transaksi hendaklah disemak dari semasa ke semasa, dibuat *back-up* data dan disimpan untuk tujuan rujukan. Semakan Audit mendapati Sistem ePBT yang dibangunkan tidak mempunyai jejak audit dan sistem log. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan tidak mensyaratkan Vendor untuk menyediakan jejak audit dan sistem log dalam Sistem ePBT. Ketiadaan jejak audit menyukarkan Pentadbir Sistem dan

pihak pengurusan mengenal pasti sebarang perubahan yang dibuat ke atas pangkalan data.

5.4.3.3. Pelaksanaan Kerja Secara Akses Jarak Jauh (*Remote Access*) Oleh Vendor Tanpa Kawalan Pegawai Teknologi Maklumat Majlis

Sesuatu sistem yang dibangunkan hendaklah terpelihara daripada diakses tanpa kebenaran oleh pihak luar, terutamanya Vendor yang membangunkannya. Pihak Audit dimaklumkan Vendor boleh mengakses Sistem ePBT dari jarak jauh pada bila-bila masa tanpa pengetahuan Pegawai Teknologi Maklumat Majlis. Bagaimanapun, setelah mendapat teguran Audit, Majlis hanya membuka laluan kepada sistem bagi membolehkan Vendor mengakses Sistem ePBT dari jarak jauh apabila diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Semakan Audit selanjutnya mendapati daftar pembukaan dan penutupan akses Sistem ePBT tidak diselenggarakan bagi tujuan pemantauan. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis kurang peka terhadap aspek perlindungan dan keselamatan data. Keadaan ini mendedahkan Majlis kepada risiko manipulasi data oleh pihak yang berkepentingan.

5.4.3.4. Tiada Pelan Kesenambungan Perkhidmatan

Pelan Kesenambungan Perkhidmatan atau *Business Continuity Plan (BCP)* perlu diwujudkan bagi memastikan Sistem ePBT kembali beroperasi seperti sediakala sekiranya tergendala akibat berlaku ancaman atau bencana. BCP tersebut perlu didokumenkan dan dikemas kini sebagai persediaan menghadapi ancaman atau bencana. BCP hendaklah diuji secara berkala bagi memastikan operasi Majlis tidak terjejas. Latihan juga perlu dilaksanakan supaya setiap kakitangan mengetahui tanggungjawab masing-masing semasa berlakunya ancaman atau bencana. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan, BCP masih belum disediakan untuk rujukan Majlis.

5.4.3.5. Kata Laluan Tidak Ditukar

Mengikut *The Malaysian Public Sector ICT Management Security Handbook (MyMIS)*, kata laluan hendaklah mengandungi 8 aksara, gabungan huruf dan angka serta perlu ditukar setiap 30 hari bagi meningkatkan keselamatannya. Ujian Audit terhadap 30 identifikasi pengguna (ID) Sistem ePBT Majlis mendapati 23 pengguna masih belum menukar kata laluan asal yang diberikan oleh Pegawai Sistem Maklumat Jabatan sejak sistem diguna pakai. Berdasarkan temu bual Audit dengan beberapa pengguna didapati pengguna tidak dimaklumkan tentang keperluan menukar kata laluan tersebut. Walaupun sehingga kini tiada aduan mengenai pencerobohan sistem berlaku, keadaan ini boleh menyebabkan sistem terdedah kepada risiko akses yang tidak dibenarkan.

5.4.3.6. Tiada Daftar / Senarai Kawalan Akses Sistem (*Access Control List*)

Sesuatu sistem yang dibangunkan hendaklah dikawal dengan memastikan pengguna yang sah dan dibenarkan sahaja boleh mengakses sistem. Kebenaran untuk mengakses sistem hendaklah diberi secara bertulis dan direkodkan dalam daftar. Semakan Audit

mendapati Majlis tidak menyelenggara daftar untuk merekod pegawai yang diberi kelulusan mengakses Sistem ePBT kerana Majlis tidak mempunyai SOP yang menyatakan keperluan tersebut. Seterusnya kawalan terhadap akses dan had capaian ke sistem tidak dapat dilakukan.

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan data Sistem ePBT adalah tidak memuaskan terutamanya akses secara jarak jauh oleh Vendor mendedahkan Majlis kepada risiko manipulasi data. Sistem ePBT yang tidak mempunyai jejak audit dan Sistem Log telah menyukarkan Majlis mengenal pasti aktiviti dalam sistem.

5.4.4. Pengurusan Kontrak

Kontrak yang disediakan hendaklah menjamin hak dan kepentingan Kerajaan. Salinan dokumen kontrak hendaklah disediakan dengan mencukupi dan diedarkan kepada semua pihak yang berkepentingan. Dokumen kontrak hendaklah disediakan dengan lengkap dan ditandatangani sebagai rujukan utama pelaksanaan Sistem ePBT. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak mendapati perkara seperti berikut:

5.4.4.1. Majlis Tidak Diberi Salinan Kontrak Dan Skop Kerja Vendor

Dokumen kontrak mengandungi skop kerja sebagai panduan terhadap pemantauan kerja yang dilaksanakan oleh Vendor. Setiap klausa di dalam kontrak hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh Vendor. Salinan dokumen kontrak atau skop kerja hendaklah diserahkan kepada Majlis bagi tujuan rujukan dan pemantauan terhadap pelaksanaan Sistem ePBT. Bagaimanapun didapati, Majlis tidak dibekalkan dengan salinan kontrak dan skop kerja Vendor yang ditandatangani oleh Kementerian bersama pihak Vendor. Ketua Pengarah Jabatan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sistem ePBT Bil. 2 Tahun 2008 membuat keputusan bahawa salinan kontrak tidak perlu diedarkan kepada PBT. Ketiadaan salinan perjanjian menyebabkan Majlis tidak dapat memastikan hak dan kepentingan Majlis dalam pembangunan aplikasi, pembekalan perkakasan dan latihan yang diberikan telah ditunaikan.

5.4.4.2. Kamus Data Dan *Entity Relationship Diagrams* (ERD) Tidak Disediakan

Kamus Data ialah penerangan data yang ada dalam pangkalan data manakala ERD digunakan untuk memahami proses aliran sistem secara keseluruhan. Semakan Audit mendapati Vendor tidak membekalkan Kamus Data dan ERD Sistem ePBT kepada Majlis kerana dokumen Perjanjian tidak menyatakan dengan jelas tanggungjawab Vendor untuk menyediakannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati banyak jadual yang tidak digunakan wujud dalam sistem. Pegawai Teknologi Maklumat Majlis tidak mengetahui dengan jelas fungsi setiap jadual yang diwujudkan di dalam pangkalan data yang menyebabkan terdapat banyak jadual yang tidak digunakan, seterusnya menggunakan banyak ruang penyimpanan dalam pangkalan data tersebut.

5.4.4.3. Klausu Berkaitan Meja Bantuan (*Help Desk*) Tidak Dinyatakan Dalam Dokumen Kontrak

Pembangunan sesuatu sistem memerlukan Meja Bantuan untuk membantu menyelesaikan masalah yang timbul dan melancarkan proses penambahbaikan sistem. Semakan Audit mendapati Kontrak Perluasan Sistem ePBT yang ditandatangani pada 7 Januari 2008 tidak dinyatakan mengenai klausu Meja Bantuan. Keadaan ini menyebabkan Vendor tidak terikat untuk memberi bantuan kepada Majlis. Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan terpaksa meminta bantuan daripada PBT lain dan Vendor untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi menyebabkan masalah lewat diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah tidak memuaskan kerana salinan kontrak tidak diberikan kepada Majlis menyebabkan hak dan kepentingan dalam pembangunan aplikasi, pembekalan perkakasan dan latihan yang diberikan tidak dapat dipastikan.

5.4.5. Pemantauan

Pemantauan yang cekap dan berkesan hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan sebagai agensi pelaksana bagi memastikan Sistem ePBT berfungsi dengan efisien. Majlis sebagai agensi pengguna berperanan sebagai penyelaras sistem perlu mewujudkan mekanisme pemantauan dalaman yang berkesan. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan yang dilaksanakan oleh Majlis mendapati perkara seperti berikut:

5.4.5.1. Jawatankuasa Tetap Kemajuan ICT Tidak Membincangkan Masalah ePBT secara Terperinci

Jawatankuasa Tetap Kemajuan ICT diwujudkan oleh Majlis adalah untuk memastikan dan memantau pelaksanaan ICT termasuk Sistem ePBT. Jawatankuasa yang dipengerusi oleh Yang Dipertua Majlis telah bermesyuarat 4 kali pada tahun 2010 dan 5 kali pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati Jawatankuasa hanya membincangkan perkara umum berkenaan masalah dan status sedia guna Sistem ePBT. Jawatankuasa tidak membincangkan secara terperinci masalah sebenar yang dihadapi semasa pelaksanaan seperti masalah kod akaun piawai dan penyediaan penyata kewangan. Keadaan ini menyebabkan masalah yang dihadapi tidak dapat ditangani dengan berkesan.

5.4.5.2. Laporan Kemajuan Dan Masalah Yang Dihadapi Majlis Tidak Dihantar Kepada Jabatan

Bagi memastikan Sistem ePBT dapat dilaksanakan dengan efisien, segala permasalahan yang dihadapi perlu dilaporkan oleh Majlis kepada Jabatan agar tindakan pembetulan dapat diambil dan tindakan penyeragaman di semua PBT dapat dilaksanakan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan laporan kemajuan penggunaan dan permasalahan yang dihadapi oleh Majlis dihantar kepada Jabatan sebagai makluman dan tindakan. Laporan kemajuan penggunaan Sistem ePBT hanya dihantar berdasarkan

permintaan oleh Jabatan sahaja. Keadaan ini menyebabkan masalah yang dihadapi tidak dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Majlis terhadap Sistem ePBT adalah tidak memuaskan kerana Jawatankuasa Tetap Kemajuan ICT tidak membincangkan masalah Sistem ePBT secara terperinci. Selain itu, laporan kemajuan penggunaan dan masalah yang dihadapi juga tidak dihantar kepada Jabatan.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan tahap kawalan dan penggunaannya untuk mencapai objektif yang ditetapkan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

5.6.1. Majlis perlu membuat penyemakan dan pemutihan data dalam Sistem ePBT bagi memastikan kesahihan data dan keutuhan maklumat.

5.6.2. Majlis hendaklah menggunakan keseluruhan Sistem/Modul yang dibangunkan dalam Sistem ePBT bagi merealisasikan hasrat untuk menjana penyata kewangan melalui sistem.

5.6.3. Bahagian Teknologi Maklumat Majlis perlu mengambil tanggungjawab memastikan program latihan yang relevan diberi secara berterusan kepada pengguna Sistem ePBT.

5.6.4. Jabatan Kerajaan Tempatan perlu mengkaji semula penambahbaikan sistem dengan mewujudkan keperluan jejak audit dan sistem log dalam Sistem ePBT bagi meningkatkan keselamatan data.

5.6.5. Jabatan Kerajaan Tempatan perlu memastikan salinan kontrak atau skop kerja diserahkan kepada PBT untuk mengelakkan kesukaran PBT melaksanakan pemantauan terutamanya bagi Projek ePBT Fasa 2.

5.6.6. Jawatankuasa Tetap Kemajuan ICT Majlis perlu membincang dan melaporkan masalah yang dihadapi oleh pengguna sistem kepada Jabatan bagi memastikan kecekapan dalam penggunaan sistem.

6. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Pesisiran pantai Negeri Perlis adalah sepanjang 26 kilometer atau 0.54% daripada 4,800 kilometer keseluruhan lingkungan pesisiran pantai Semenanjung Malaysia. Hampir keseluruhan pesisiran pantai Negeri Perlis hanya merupakan kawasan berlumpur yang habitat asalnya ditumbuhi oleh pokok-pokok Hutan Paya Laut (HPL). Namun demikian, tumbuhan bakau di negeri Perlis didapati telah hampir pupus akibat pukulan ombak yang besar dan arus laut yang kuat.

6.1.2. HPL didefinisikan sebagai pokok yang tumbuh di kawasan pantai tropika dan sub tropika dan bergantung hidup kepada air laut dan air tawar serta menjadi benteng untuk memecah, menahan dan mengurangkan daya kekuatan ombak daripada laut yang sering memukul pantai. Selain menjadi pelindung fizikal secara semula jadi, HPL merupakan suatu ekosistem unik yang menjadi habitat kepada pelbagai flora dan fauna serta hidupan marin.

6.1.3. HPL yang tidak diuruskan dengan baik boleh memberi impak terhadap alam sekitar. Antaranya ialah pantai terhakis menyebabkan pengecilan kawasan daratan, pencemaran berlaku kerana tiada lagi pokok bakau yang bertindak sebagai penapis sampah sarap malahan sistem ekologi juga terganggu kerana habitat haiwan akuatik musnah. Alternatif terbaik adalah menggunakan kaedah biologi iaitu dengan cara menanam pokok bakau dan spesies lain di pesisiran pantai bagi mewujudkan zon penampan yang stabil dan mencegah serta mengurangkan kadar hakisan tanah.

6.1.4. Sejak peristiwa Tsunami pada 26 Disember 2004 yang menyebabkan kerosakan infrastruktur di pesisiran pantai, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah mengambil tindakan untuk menanam pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di beberapa kawasan pesisiran pantai bagi memenuhi objektifnya iaitu untuk menjadikan pesisiran pantai sebagai zon penampan. Objektif utama program penanaman bakau dan spesies yang sesuai di kawasan pesisiran pantai antaranya adalah seperti berikut:

6.1.4.1. Memulihara kawasan pesisiran pantai supaya lebih stabil sebagai lapisan lindungan semulajadi bagi mengelak dan mengurangkan tahap kemusnahan akibat berlakunya kejadian yang tidak diingini seperti kemusnahan kemudahan infrastruktur, kerosakan harta benda, ancaman terhadap penduduk di kawasan berhampiran pantai serta kehilangan tanah disebabkan hakisan pantai oleh pukulan ombak besar.

6.1.4.2. Mewujudkan satu kawasan zon penampan yang kukuh dan stabil supaya dapat menghindar sebarang keperluan dan perbelanjaan kerja-kerja perlindungan pantai yang

mahal pada masa hadapan akibat daripada pembangunan dan pelaksanaan program baru di kawasan berhampiran.

6.1.4.3. Mewujudkan suatu kawasan ekosistem pesisiran pantai yang menjadi koridor habitat penting dan berkesan kepada kepelbagaian hayat termasuk hidupan marin dan organisma kecil yang mana secara langsung ia dapat memperkayakan hasil sumber pantai yang berpotensi untuk merangsangkan kesan berganda kepada Negara pada masa depan.

6.1.5. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek penanaman pesisiran pantai negeri Perlis berjumlah RM624,000 manakala sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM150,000 bagi tempoh tiga tahun mulai 2008 hingga 2010.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan HPL di pesisiran pantai Selat Melaka telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesan terhadap kualiti alam sekitar.

6.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan HPL di pesisiran pantai Selat Melaka bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta temu bual dengan pegawai dan kakitangan di Jabatan yang berkaitan. Lawatan Audit juga dilakukan bersama pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perlis ke kawasan penanaman HPL bagi menentukan sama ada terdapat aktiviti yang menyumbang kepada kesan pencemaran alam sekitar. Selain itu khidmat pakar juga diperolehi daripada Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan Universiti Putra Malaysia.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengurusan HPL bagi Negeri Perlis pada keseluruhannya boleh dipertingkatkan melalui pendekatan proaktif bagi menangani kelemahan yang telah dikenal pasti berdasarkan penemuan oleh pihak Jabatan Audit Negara. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah pewartaan kawasan bakau, penanaman pokok bakau, kaedah inovatif penanaman, pembinaan pejalan kaki untuk eko pelancongan dan kesan aktiviti sampingan.

6.4.1. Pewartaan Kawasan Bakau

Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 menyatakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan menyiarkan dalam warta suatu pemberitahuan menentukan kedudukan dan keluasan tanah. Tujuan pewartaan adalah untuk melindungi kawasan HSK daripada aktiviti pembalakan haram, pencerobohan, pembersihan kawasan dan penempatan. Hasil semakan Audit mendapati HSK di Negeri Perlis adalah seluas 10,624.25 hektar iaitu 13.3 % daripada keseluruhan Negeri Perlis. Seluas 42.52 hektar melibatkan 4 Cadangan Hutan Simpanan

Kekal (CHSK) yang belum diwartakan masih dalam pertimbangan untuk diluluskan. CHSK tersebut adalah kawasan penanaman pokok bakau semenjak tahun 2005. Kawasan CHSK seluas 42.52 hektar adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Kawasan Cadangan Hutan Simpan Kekal

Bil.	Kawasan	Mukim	Keluasan (Ha)
1.	Kuala Sanglang	Mukim Sanglang	7.538
2.	Bukit Batu Putih	Kuala Perlis	1.950
3.	Pulau Ketam	Kuala Sanglang	29.054
4.	Seberang Jaya	Kuala Perlis	3.975
Jumlah			42.520

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis sukar mengambil tindakan terhadap HPL yang tidak diwartakan di mana pencerobohan boleh berlaku bila-bila masa dan sukar di kawal.

Pada pendapat audit, penyelarasan oleh semua agensi kerajaan yang terlibat adalah penting untuk menjadikan HPL sebagai zon penanaman, pemeliharaan kepelbagaian biologi, zon perlindungan alam sekitar dan zon eko pelancongan berjaya.

6.4.2. Penanaman Pokok Bakau

Perlindungan dan pemuliharaan HPL adalah penting bagi memelihara kestabilan kualiti ekologi alam sekitar. Seksyen 46 APN 1984 menghendaki PBN memberi pertimbangan wajar terhadap keperluan hutan dan alam sekitar serta rekreasi dan lain-lain keperluan. Semakan Audit mendapati, sebanyak 63,107 atau 70% daripada 89,904 pokok bakau yang ditanam telah mati berdasarkan rekod yang dibuat sehingga 2009. Manakala, rekod bagi tahun 2010 belum disediakan. Tambahan pula, penubuhan Jawatankuasa Penyelidikan ditubuhkan serentak dengan Jawatankuasa Pelaksanaan menyebabkan tiada koordinasi dan komunikasi untuk memastikan program penanaman pokok bakau mencapai objektifnya. Selain itu, antara sebab kegagalan penanaman pokok bakau adalah kerana keadaan pasir (*loose mud soil*) di Negeri Perlis yang berbeza dengan negeri lain dan keadaan paras air pasang surut dan pusingan ombak yang kuat. Serangan teritip juga turut menyumbang kepada kegagalan penanaman pokok bakau tersebut. Oleh yang demikian, objektif untuk memelihara kualiti ekologi alam sekitar tidak tercapai.

Pada pendapat audit, penyelidikan secara intensif hendaklah dibuat sebelum pelaksanaan dilakukan.

6.4.3. Kaedah Inovatif Penanaman

Jabatan Perhutanan Perlis telah berusaha untuk menanam pokok bakau dan spesies yang sesuai di pesisiran pantai, namun terdapat cabaran dan masalah seperti ombak dan arus laut yang kuat, musim monsun serta struktur tanah berlumpur yang cair. Teknik inovatif diperkenalkan oleh FRIM bagi menggantikan teknik konvensional bagi mengatasi masalah

yang dihadapi. Semakan Audit mendapati, Jabatan Perhutanan Perlis telah menggunakan kaedah teknik inovatif dalam membantu meningkatkan kadar pokok hidup menggantikan kaedah konvensional. Di samping itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membina *rock bund* dan *Geotube* kerana kawasan tersebut mengalami hakisan yang serius. *Geotube* dibina dan ditempatkan di bahagian muka laut bagi memecah ombak yang tinggi dan arus laut yang kuat. Bagaimanapun, pihak audit mendapati kedua-dua teknik tersebut tidak berjaya mengatasi masalah di atas. Juga hasil kajian FRIM mendapati *Geotube* tersebut gagal berfungsi sebagai pemecah ombak dan tenggelam apabila air pasang penuh kerana *Geotube* yang dibina melebihi jarak yang ditetapkan iaitu setiap *Geotube* yang dibina adalah 2 meter. Selain itu, antara faktor yang menyebabkan kegagalan teknik inovatif dan *Geotube* adalah disebabkan oleh kajian kesesuaian tanah tidak dijalankan. Kesannya adalah pemantapan HPL sebagai zon penampungan tidak terjamin. **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.5** menunjukkan benih pokok bakau yang musnah akibat ombak kuat walaupun *teknik comp mat* dan *comp pillow* serta *Geotube* telah digunakan untuk mengatasi masalah seperti ombak dan arus laut yang kuat, musim monsun serta struktur tanah berlumpur yang cair.

Gambar 6.1

Benih Pokok Bakau Yang Musnah Akibat Ombak Kuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Sanglang, Perlis
Tarikh: 5 Ogos 2010

Gambar 6.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Sanglang, Perlis
Tarikh: 5 Ogos 2010

Gambar 6.3
Teknik Inovatif *Comp-Mat*



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
Lokasi: Seberang Jaya, Perlis
Tarikh: 5 Oktober 2010

Gambar 6.4
Teknik Inovatif *Comp-Pillow*



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
Lokasi: Seberang Jaya, Perlis
Tarikh: 5 Oktober 2010

Gambar 6.5
***Geotube* Hampir Tenggelam**
Semasa Air Pasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Bukit Batu Putih, Perlis
Tarikh: 5 Ogos 2010

Pada pendapat audit, kajian menyeluruh dalam aspek teknik penambahbaikan penanaman bakau perlu dibuat dengan teliti.

6.4.4. Pembinaan Pejalan Kaki Untuk Eko Pelancongan

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM140,000 bagi membiayai kos pembinaan laluan pejalan kaki di HPL Pulau Ketam, Perlis. Projek ini menggunakan cerucuk konkrit sebagai asas tiang atau struktur pada laluan pejalan kaki, *platform* dan *deck*. Pembinaan ini dijangka disiapkan pada 30 November 2009. Semakan Audit mendapati projek pembinaan ini telah diberhentikan kerana masalah cerucuk yang ditanam tenggelam kerana struktur tanahnya yang lembut di mana hanya 20 cerucuk konkrit telah digunakan daripada 160 cerucuk yang sepatutnya ditanam seperti di **Gambar 6.6**. Akibatnya, projek terbengkalai ini menjejaskan ekologi pokok bakau disekelilingnya. Selain itu, tiada kajian kemungkinan dilakukan sebelum pembinaan dilaksanakan.

Gambar 6.6
Cerucuk Konkrit Yang Tenggelam
Di Laluan Pejalan Kaki HPL Pulau Ketam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Ketam, Perlis
Tarikh: 5 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, pembinaan laluan pejalan kaki di Pulau Ketam tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana kajian kemungkinan tidak dijalankan.

6.4.5. Kesan Aktiviti Sampingan

Kompleks Medan Ikan Bakar Terapung telah dibina di atas tanah hakmilik Kerajaan Negeri Perlis di Mukim Kuala Perlis. Kompleks ini terletak bersebelahan dengan kawasan penanaman pokok bakau seluas 2 hektar yang tidak diwartakan. Semakan Audit mendapati sejumlah 3000 batang pokok bakau telah musnah akibat pembinaan ini yang melibatkan kawasan penanaman pokok bakau seluas 0.5 hektar yang berhampiran. Bagaimanapun, didapati pihak kontraktor yang bertanggungjawab telah memindahkan anak pokok bakau tidak memastikan anak pokok bakau dalam keadaan terpelihara. Ini disebabkan oleh kawasan yang berkaitan tidak termasuk dalam kawasan yang diwartakan. Selain itu, pembangunan kawasan ini juga tidak ada koordinasi diantara pihak berkuasa yang berkaitan di mana perkara ini mengakibatkan pemusnahan kawasan pokok bakau tidak dapat dibendung dan dikawal.

Pada pendapat Audit, koordinasi dan pemantauan yang rapi perlu dijalankan secara berkala dan berterusan.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perhutanan Negeri Perlis mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

6.5.1. Jabatan hendaklah menyegerakan proses pewartaan kawasan CHSK di pesisiran Selat Melaka dengan menubuhkan jawatankuasa khas yang lebih telus demi kepentingan

hak pewartaan kawasan bakau. Bagaimanapun, sekiranya jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan ianya hendaklah diaktifkan.

6.5.2. Kajian menyeluruh dibuat dengan mengenal pasti keadaan sebenar tanah, kekuatan ombak dan keadaan fizikal kawasan penanaman bakau dengan mengambil kira penglibatan beberapa agensi kerajaan yang terlibat bagi objektif penanaman bakau sebagai zon penampan terjamin.

6.5.3. Kajian kemungkinan perlu dijalankan bagi memastikan sama ada projek Pembinaan Pejalan Kaki Untuk Eko Pelancongan wajar diteruskan atau sebaliknya.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

7. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Bagaimanapun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan setelah mendapat perintah daripada Yang Di-Pertuan Agong. Sehubungan dengan itu, Yang Di-Pertuan Agong telah mengeluarkan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 kepada Ketua Audit Negara pada 17 Disember 2009 supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat ini. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih Syarikat IPTIPs Sdn. Bhd., syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Islam Perlis dan Pens Industries Sdn. Bhd., syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis.

YAYASAN ISLAM PERLIS

8. IPTIPS SDN. BHD.

8.1. LATAR BELAKANG

IPTIPS Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Islam Perlis (Yayasan) yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Mac 1996. Nama asal Syarikat adalah Pancaran Karun Sdn. Bhd. sebelum ditukarkan kepada IPTIPs Sdn. Bhd. pada 11 November 1997. Modal yang dibenarkan berjumlah RM0.5 juta manakala modal berbayar berjumlah RM0.2 juta. Aktiviti tunggal Syarikat adalah menguruskan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs). Ahli Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada seorang Pengerusi dan 2 orang Pengarah. Ahli Lembaga yang dilantik terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Perlis, Yayasan dan juga IPTIPs. Salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah merupakan seorang ahli akademik. Sehingga bulan Ogos 2010, IPTIPs mempunyai seramai 41 orang kakitangan yang terdiri daripada 26 orang kakitangan akademik dan 15 orang kakitangan bukan akademik.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

8.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat. Aspek yang ditekankan ialah Prestasi Kewangan; Pengurusan Aktiviti; Pengurusan Kewangan; Tadbir Urus Korporat; dan Pemantauan Oleh Kerajaan Negeri/Yayasan. Kaedah yang dijalankan adalah dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan; temubual dengan pihak pengurusan dan kakitangan; pemeriksaan fizikal peralatan dan aset; analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend terhadap maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh tiga tahun; dan lawatan ke tapak projek/aktiviti.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati pengurusan IPTIPs Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Penyata kewangan Syarikat hanya diaudit setakat tahun 1999. Penyata kewangan Syarikat tahun 1999 yang telah diaudit menunjukkan Syarikat mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM55,840. Penyata kewangan tahun 2000 sedang diaudit oleh juruaudit bertauliah yang dilantik manakala penyata kewangan tahun 2001 hingga 2009 masih belum disediakan. Penyata kewangan untuk tujuan pihak pengurusan juga tidak disediakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat membuat penilaian terhadap prestasi kewangan Syarikat bagi tahun semasa berbanding tahun sebelumnya melalui analisis nisbah seperti nisbah kecairan, keuntungan, kestabilan dan kecekapan. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus syarikat juga adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti di perenggan berikut:

8.4.1. Prestasi Kewangan

Penyata kewangan merupakan asas bagi menganalisis prestasi kewangan dan kedudukan sesebuah syarikat. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah meneliti dan mendalami penyata kewangan bagi menentukan kedudukan kewangan syarikat berada dalam keadaan baik dan teguh. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan Syarikat mendapati perkara berikut:

8.4.1.1. Penilaian Terhadap Penyediaan Penyata Kewangan

- a. Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 menghendaki Pengarah menyediakan dan seterusnya membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan. Seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 menghendaki Penyata Tahunan Syarikat ditandatangani oleh Pengarah atau Pengurus Syarikat dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam masa satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Kegagalan mematuhi peruntukan tersebut boleh mengakibatkan setiap Lembaga Pengarah secara peribadi dikenakan penalti penjara 5 tahun atau denda RM30,000 seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 171 Akta Syarikat 1965. Bagaimanapun, didapati penyata kewangan Syarikat hanya diaudit setakat tahun 1999 manakala penyata yang dikemukakan kepada SSM adalah sehingga tahun 1998. Penyata kewangan tahun 1998 yang telah diaudit oleh juruaudit bertauliah dengan mendapat Sijil Audit

Berteguran telah dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat pada 25 Februari 2009.

- b. Penyata kewangan Yayasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 menunjukkan IPTIPs mempunyai pendahuluan dengan Yayasan berjumlah RM8.04 juta. Pendahuluan tersebut telah diterima sejak tahun 1998, bertujuan untuk pembayaran gaji dan emolumen kakitangan serta menampung perbelanjaan operasi. Pendahuluan oleh Yayasan kepada IPTIPs tidak dikenakan faedah dan syarat-syarat bayaran balik dan didapati IPTIPs tidak pernah membuat bayaran balik pendahuluan yang telah diterima daripada Yayasan. Selain itu adalah didapati, syarikat ada membentangkan Laporan Kewangannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan. Bagaimanapun, laporan yang dibentangkan tidak menyeluruh dan bukan Penyata Kewangan yang telah diaudit. Laporan Prestasi Kewangan dan analisis kewangan setiap suku tahun tidak disediakan dan tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Yayasan.
- c. Mengikut maklum balas daripada IPTIPs, kelewatan ini berlaku kerana Penolong Akauntan sering bertukar ganti menyebabkan rekod kewangan utama seperti Buku Tunai, Lejar Am dan Lejar Individu tidak diselenggara dengan kemas kini. Bagaimanapun, pengauditan terhadap penyata kewangan tahun 2000 sedang dijalankan oleh juruaudit bertauliah, manakala akaun tahun 2001 sedang dalam proses penyediaan dan seterusnya dihantar untuk pengauditan.

Pada pendapat Audit, penyediaan penyata kewangan adalah tidak memuaskan. Penyata kewangan Syarikat tidak disediakan sejak tahun 2001. Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah gagal menangani perkara ini dengan berkesan. Analisis kewangan untuk menilai prestasi kewangan Syarikat juga tidak dapat dijalankan. Bagaimanapun rekod sehingga tahun 1999 menunjukkan prestasi kewangan Syarikat adalah lemah kerana mencatatkan kerugian.

8.4.2. Pengurusan Aktiviti

Penubuhan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs) pada 20 April 1998 merupakan aktiviti tunggal yang dijalankan oleh Syarikat. Ia merupakan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bukan bertaraf universiti yang memberi penekanan dalam pendidikan Islam.

8.4.2.1. Pengurusan IPTIPs

- a. Kecemerlangan Institut Pengajian Tinggi (IPT) bergantung penuh kepada kepimpinan yang berkesan selain daripada budaya kerja yang cemerlang di setiap peringkat bagi mencapai visi, misi, objektif strategik dan hala tuju organisasi. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu aktiviti, antara kriteria yang diperlukan ialah struktur tadbir urus yang jelas, sumber yang mencukupi selain diurus dengan cekap serta menepati sasaran. IPTIPs sebagai sebuah IPTS hendaklah diurus secara persendirian mengikut Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta IPTS 1996) manakala Kementerian Pengajian Tinggi mengawal selia dari segi kelulusan

penubuhan dan jaminan kualiti. Pengurusan IPTIPs adalah tertakluk kepada Akta IPTS 1996 dan perlembagaan IPTIPs di mana:


- i. Seksyen 30(1) Akta IPTS 1996 menghendaki setiap IPTS diuruskan mengikut perlembagaannya secara tegas;
 - ii. Seksyen 31(1) Akta IPTS 1996 menghendaki setiap IPTS melantik seorang Ketua Eksekutif. Kewajipan Ketua Eksekutif adalah tertakluk kepada peruntukan dalam akta ini dan juga Perlembagaan iaitu bertanggungjawab menjalankan penyeliaan am ke atas pengajaran, pentadbiran, urusan harian, kebajikan dan disiplin di IPTS; dan
 - iii. Seksyen 7 Perlembagaan IPTIPs menyatakan Lembaga Pengelola hendaklah menjadi Badan Eksekutif Syarikat dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Institut kecuali sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah Yayasan.
- b. Semakan Audit mendapati IPTIPs telah menyediakan Perlembagaan mengikut ketetapan dalam Akta IPTS 1996. Di awal penubuhan IPTIPs, Yayasan telah melantik Lembaga Pengelola yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan 13 orang ahli melalui mesyuarat Lembaga Yayasan pada 31 Disember 1998. Bagaimanapun, Lembaga Pengelola IPTIPs tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak ia ditubuhkan. Mengikut Perlembagaan IPTIPs, tempoh memegang jawatan Lembaga Pengelola bagi Pengerusi dan kesemua ahli adalah selama 3 tahun dan boleh dilantik semula. Semakan Audit mendapati sejak 1 Januari 2002 sehingga kini, tiada pelantikan baru dibuat. IPTIPs menjelaskan bahawa cadangan senarai nama untuk pelantikan Lembaga Pengelola ada dikemukakan kepada Yayasan semasa mesyuarat Jawatankuasa Transformasi IPTIPs. Bagaimanapun, sehingga kini belum ada maklum balas yang mengesahkan atau meluluskan pelantikan Ahli Lembaga Pengelola tersebut. Yayasan memaklumkan bahawa tindakan sewajarnya akan diambil untuk melantik Lembaga Pengelola selaras dengan kehendak Akta IPTS 1996.

8.4.2.2. Sasaran Kemasukan Pelajar

Kekuatan dan keteguhan sesebuah IPTS bergantung kepada jumlah pelajar. Peningkatan enrolmen pelajar menjamin sumber pendapatan bagi membiayai kos operasi terutamanya elemen kos tetap agar tidak terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan. IPTIPs tidak menetapkan sasaran tahunan enrolmen pelajar. Semakan Audit mendapati enrolmen pelajar yang mendaftar pada setiap tahun mengalami penurunan. Bagi sesi bulan Julai 2010, keseluruhan pelajar IPTIPs adalah seramai 85 orang terdiri daripada 39 orang atau 46% pelajar Malaysia manakala pelajar luar negara pula seramai 46 orang atau 54% orang pelajar. Pelajar luar negara terdiri daripada pelajar Kemboja 25 orang, Thailand 18 orang manakala Indonesia, Singapura dan China masing-masing seorang pelajar. Walaupun IPTIPs telah menubuhkan Unit Promosi Dan Kemasukan bertujuan menarik minat pelajar, namun kemasukan pelajar baru masih rendah. Malahan, trend 5 tahun menunjukkan enrolmen pelajar semakin berkurangan. Rekod IPTIPs menunjukkan jumlah

kemasukan pelajar terendah dicatatkan pada sesi Julai 2010 iaitu seramai 22 orang pelajar. Pada sesi Julai 2010, jumlah pelajar berkurangan kepada 85 orang pelajar atau 45% berbanding 150 orang pelajar pada sesi Julai 2009. Maklumat enrolmen pelajar pada sesi pengajian Mei 2008 hingga Julai 2010 adalah seperti di **Carta 7.1**. Mengikut pihak IPTIPs, penurunan jumlah pelajar baru disebabkan IPTIPs hanya menawarkan 3 kursus peringkat Diploma sejak ditubuhkan sedangkan IPTA dan IPTS di seluruh negara menawarkan lebih banyak kursus yang relevan dengan kehendak pasaran kerja. Selain itu, tahap prasarana yang kurang memuaskan, kemudahan yang terhad dan ketiadaan kampus serta asrama sendiri turut menyumbang kepada kekurangan bilangan kemasukan pelajar.

Carta 7.1
Enrolmen Pelajar Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Rekod Pelajar IPTIPs

Nota: Sesi Pengambilan Pelajar bagi November 2009 diubah kepada Januari 2010

Pada pendapat Audit enrolmen pelajar IPTIPs adalah tidak memuaskan. Kekurangan pelajar mengakibatkan masalah sumber pendapatan yang serius kepada IPTIPs.

8.4.2.3. Program Kursus Yang Ditawarkan

- a. Kualiti dan kesesuaian kursus serta kurikulum adalah faktor penting yang mempengaruhi kebolehpasaran siswazah. Semua program yang ditawarkan perlu berkualiti tinggi dan mendapat akreditasi daripada *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* serta memenuhi kehendak pasaran. Semakan kurikulum hendaklah dibuat dari semasa ke semasa dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai Kerajaan serta badan bukan Kerajaan berdasarkan keperluan bidang pengajian. Satu mekanisme untuk mengkaji semula kurikulum perlu diwujudkan bagi memastikan ianya sentiasa relevan. Sehingga bulan Jun 2010, IPTIPs menawarkan sebanyak 9 kursus pengajian berkonsepkan

pendidikan Islam yang terdiri daripada 3 kursus peringkat diploma dan 6 kursus di peringkat sijil seperti di **Jadual 7.1**.


Jadual 7.1
Bidang Pengajian Yang Ditawarkan

Peringkat Diploma	Peringkat Sijil
i. Diploma Al-Quran dan Hadis; ii. Diploma Usuluddin; iii. Diploma Syariah;	i. Sijil Bahasa Arab; ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); iii. Program Takhiliah IPTIPs (persediaan Bahasa Arab); iv. Program Jangka Pendek; v. Daurah Mukassafah (Kursus intensif Bahasa Arab untuk lepasan SPM); dan vi. Kursus Intensif Bahasa Arab (untuk dewasa).

Sumber: Rekod IPTIPs

- b. Bagi sesi bulan Julai 2010, seramai 85 orang pelajar mengikuti pelbagai kursus di IPTIPs. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 7.2**. Kursus yang mempunyai pelajar paling ramai ialah STAM iaitu sebanyak 26 atau 31% daripada 85 orang pelajar dan 23 atau 27% orang pelajar bagi kursus Pra STAM. Semakan Audit mendapati proses pembentukan kurikulum, penawaran pengajian dan kajian semula kurikulum adalah di bawah kawalan Lembaga Akademik yang bertindak sebagai badan kualiti akademik serta dibantu oleh jawatankuasa kecil. Semakan lanjut Audit mendapati penawaran kursus di peringkat sijil dan diploma adalah selaras dengan Seksyen 44(2) Akta IPTS 1996 (Akta 555).

Carta 7.2
Bilangan Pelajar Mengikut Kursus Pada Sesi Julai 2010



Sumber : Rekod Pelajar IPTIPs

Pada pendapat Audit proses penawaran kursus yang tawarkan adalah selaras dengan kehendak akta.

8.4.2.4. Kemudahan Dan Infrastruktur

- a. Setiap IPT hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal, persekitaran kampus dan peralatan yang mencukupi mengikut norma yang dipersetujui dan yang ditetapkan untuk tujuan program akademik. Antara prasarana yang perlu disediakan ialah kampus sendiri, perpustakaan, asrama penginapan pelajar dan teknologi canggih bagi menyokong pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan. Kemudahan prasarana yang lengkap serta moden antara kriteria utama bagi sesebuah IPTS untuk menarik lebih ramai pelajar baru. Adalah didapati, IPTIPs masih belum mempunyai kampus sendiri selain kekurangan kemudahan prasarana yang sepatutnya dimiliki. Sejak beroperasi, IPTIPs telah berpindah sebanyak 3 kali dan yang terkini beroperasi di Jalan Guar Jentik, Baseri. Kampus ini disewa daripada Maahad Tahfiz Al-Quran dengan kadar RM5,000 sebulan. Kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di IPTIPs antaranya asrama penginapan, perpustakaan dan pusat sumber, makmal komputer, kafeteria, padang permainan dan pengangkutan seperti di **Gambar 7.1** hingga **Gambar 7.4**. Pengangkutan yang disediakan oleh IPTIPs terdiri daripada sebuah bas dan sebuah van sumbangan daripada Kerajaan Negeri Perlis. Bagaimanapun, bas yang digunakan telah berusia melebihi 20 tahun manakala van berusia lebih 10 tahun dan sering mengalami kerosakan. IPTIPs turut menyediakan kemudahan ICT kepada pelajar dan staf. Bangunan pentadbiran, bilik pensyarah dan juga makmal komputer dihubungkan dengan rangkaian komunikasi. Selain itu, terdapat juga sudut WiFi di ruang legar bangunan untuk pelajar mengakses kemudahan internet. IPTIPs juga mempunyai laman webnya sendiri.

Gambar 7.1
Perpustakaan Dan Pusat Sumber



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: IPTIPs
Tarikh: 2 Ogos 2010

Gambar 7.2
Makmal Komputer



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: IPTIPs
Tarikh: 2 Ogos 2010

Gambar 7.3
Bilik Kuliah



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: IPTIPs
Tarikh: 2 Ogos 2010

Gambar 7.4
Bas Pengangkutan



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: IPTIPs
Tarikh: 2 Ogos 2010

- b. Semakan Audit juga mendapati IPTIPs tidak mempunyai kemudahan asrama yang bersesuaian. Asrama sedia ada terletak 5km daripada kampus. Warden dan pengawal keselamatan ditempatkan untuk mengawal keselamatan pelajar. Lawatan Audit ke asrama penginapan pelajar lelaki dan wanita di Taman Bunga Geti, Beseri mendapati persekitaraan serta keadaan asrama adalah tidak kondusif selain kemudahan perabot yang terhad. Perabot usang yang masih belum dilupuskan seperti almari, diletakkan di hadapan asrama selain digunakan sebagai kabinet dapur. Sebanyak 29 bilik asrama disewa daripada Kerajaan Negeri Perlis pada kadar RM150 sebulan/buah manakala yuran asrama yang dikenakan kepada setiap pelajar adalah sejumlah RM250 satu semester. Keadaan asrama pelajar IPTIPs adalah seperti di **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.6**.

Gambar 7.5
Asrama Pelajar Lelaki
Almari Digunakan Sebagai Kabinet



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Geti, Beseri
Tarikh: 2 Ogos 2010

Gambar 7.6
Perabot Usang Belum Dilupuskan
Di Hadapan Asrama Pelajar Lelaki



Sumber: Gambar Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Geti, Beseri
Tarikh: 2 Ogos 2010

Pada pendapat Audit, kemudahan prasarana yang disediakan oleh IPTIPs terutamanya kemudahan asrama adalah tidak kondusif dan boleh menjadi faktor penolak kepada kemasukan pelajar baru.

8.4.2.5. Tunggakan Yuran Pelajar

- a. Setiap pelajar yang diterima masuk akan dikenakan yuran iaitu bagi pelajar di peringkat Diploma, bayaran yuran adalah RM1,400 satu semester, manakala di peringkat Sijil adalah sebanyak RM1,280 bagi setiap semester. Sungguhpun begitu, analisis Audit mendapati pendapatan daripada yuran hanya 10% hingga 12% daripada keseluruhan pendapatan IPTIPs pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Bagi menampung 90% kos perbelanjaan tahunan yang berjumlah RM1.08 juta pada tahun 2008, RM1.26 juta pada tahun 2009 dan RM1.52 juta pada tahun 2010, IPTIPs memerlukan pendahuluan dan sumbangan daripada Yayasan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Tanpa bantuan Baitulmal dan Yayasan, IPTIPs menghadapi masalah kewangan yang kritikal. Bagi membantu Syarikat, Kerajaan Negeri menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diadakan pada 20 Mei 2009 memutuskan supaya Majlis menambahkan sumbangan tahunannya daripada RM0.50 juta kepada RM1.0 juta. Butiran mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Sumber Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat

Sumber Pendapatan	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Kutipan Yuran	0.13	0.14	0.16
Sumbangan Daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	0.50	0.30	0.60
Pendahuluan Daripada Yayasan Islam Perlis	0.65	0.77	0.97
Sumbangan Daripada PENS Industries Sdn. Bhd.	0.02	-	-
Jumlah Pendapatan	1.30	1.21	1.73
Jumlah Perbelanjaan	1.08	1.26	1.52
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	0.22	(0.05)	0.21

Sumber: Rekod Kewangan IPTIPs

- b. Yuran pelajar merupakan punca utama pendapatan sesebuah IPTS. Oleh kerana kewangan IPTIPs adalah kritikal, Ahli Lembaga Pengarah perlu memastikan supaya yuran pelajar dikutip tepat pada waktunya, dijaga dengan selamat dan diakaun dengan betul. Tunggakan yuran pengajian bagi tempoh tahun 1997 hingga Jun 2010 adalah berjumlah RM1.18 juta. Semakan Audit mendapati punca utama kepada tunggakan yang tinggi adalah ketiadaan peraturan dan polisi berhubung kutipan yuran. IPTIPs mengakui masalah yang dihadapi berhubung tunggakan yuran yang tinggi. Pemangku Rektor IPTIPs memaklumkan punca utama adalah disebabkan IPTIPs telah melonggarkan syarat pembayaran yuran bertujuan menarik minat pelajar untuk menyambung pelajaran di IPTIPs. Selain itu, sebahagian besar pelajar IPTIPs

berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan. Bagaimanapun, IPTIPs akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengutip tunggakan yuran dengan menghantar surat peringatan kepada waris bekas pelajar mulai bulan April 2011.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap kutipan yuran adalah lemah dan boleh mengakibatkan Syarikat mengalami masalah kewangan jika tidak ditingkatkan.

8.4.2.6. Tenaga Pengajar

Staf akademik yang berkualiti adalah modal insan terpenting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan IPTIPs dan merupakan faktor sampungan yang membantu mempromosikan IPTIPs. IPTIPs hendaklah memastikan semua pensyarah mempunyai kelulusan akademik yang sesuai seperti ditetapkan. Ini adalah kerana kualiti pengajian tinggi diukur menerusi profesionalisme komuniti akademik. Selain itu, nisbah pensyarah dengan pelajar perlu bersesuaian bagi menjamin kualiti pengajian yang ditawarkan dan hendaklah setara dengan amalan terbaik antarabangsa. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 bilangan pensyarah IPTIPs adalah seramai 26 orang. Seorang pensyarah mempunyai kelayakan PhD, 3 orang berkelayakan Sarjana manakala 22 orang berkelayakan Sarjana Muda. Kelayakan akademik pensyarah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang menetapkan bahawa setiap pensyarah di IPTS dimestikan mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada pelajar mereka iaitu Sarjana Muda bagi mengajar program Diploma dan Sijil. Sungguhpun begitu, didapati tiada kakitangan akademik diberi latihan dalam teknik pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan cara penyampaian serta mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran. IPTIPs juga tidak menyediakan perancangan jangka panjang berhubung latihan kepada kakitangan pengurusan dan pensyarah. Sungguhpun begitu adalah didapati antara bulan Februari hingga Julai 2010, IPTIPs telah menghantar 9 orang kakitangannya untuk menghadiri pelbagai kursus dalam Negeri Perlis, anjuran Perbendaharaan Negeri Perlis, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Puspanita Negeri Perlis. Antara kursus yang dianjurkan adalah berkaitan Pengurusan Perolehan Dan Aset serta Pengurusan Perpustakaan. Pada tahun 2009, seramai 6 orang kakitangan termasuk 3 orang pensyarah telah dihantar untuk menghadiri Kursus Bina Negara, Kursus Perakaunan Dan Pengurusan serta Kursus Penataran Tatabahasa Surat Rasmi Dan Minit Mesyuarat.

Pada pendapat Audit IPTIPs mempunyai kekuatan staf dari segi kelayakan akademik.

8.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses bagaimana Syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, telah menekankan prinsip dan amalan terbaik antaranya penstrukturan, bidang kuasa dan aspek akauntabiliti dan Audit. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik syarikat berkaitan Kerajaan

(GLC), Program Transformasi GLC telah dilancarkan oleh Kerajaan sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh GLC bagi meningkatkan prestasi syarikat. Adalah menjadi tanggungjawab Yayasan untuk memastikan syarikat subsidiari mematuhi semua Pekeliling Kerajaan yang berkaitan dan juga mempunyai dasar dan prosedur operasi yang munasabah. Antara penemuan audit berhubung tadbir urus adalah seperti berikut:

8.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh IPTIPs. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian IPTIPs serta dijadikan asas rujukan pegawai. SOP yang lengkap akan menjelaskan proses kerja, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja antara pegawai. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajipan Syarikat mengeluarkan garis panduan serta prosedur untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Antaranya berhubung dengan aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, perolehan, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. SOP juga bertujuan menyokong pencapaian matlamat penubuhan Syarikat kerana ia memberi penjelasan terhadap prosedur dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Garis panduan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Polisi serta prosedur syarikat yang telah diwujudkan hendaklah sentiasa disemak dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya masih relevan diguna pakai. Setiap pekerja Syarikat hendaklah dimaklumkan akan kewujudan SOP dan diberi sesalinan bertujuan memastikan pematuhan terhadap perundangan, peraturan, standard dan polisi. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan Syarikat melaksanakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang sempurna yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi menguruskan pendapatan dan perbelanjaan serta aset termasuk tunai, stok, pelaburan dan penghutang. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai SOP berhubung pengurusan kewangan, perakaunan, perolehan dan juga aset seperti dikehendaki.

8.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Artikel 79 Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat menghendaki mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan untuk mengetahui perkembangan terkini Syarikat supaya tindakan segera dan sewajarnya dapat diambil. Artikel 78 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat menghendaki Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan dan ditandatangani oleh Pengerusi. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah bermesyuarat sekali setiap 3 bulan. Perkara yang perlu dibincangkan ialah mengenai laporan operasi dan prestasi kewangan Syarikat. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah tidak pernah bermesyuarat sejak Syarikat ditubuhkan.

8.4.3.3. Mesyuarat Agung

Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki Syarikat mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun dan tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung yang lepas. Keingkaran mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan akan menyebabkan Syarikat dikenakan penalti sejumlah RM5,000 manakala penalti ingkar sejumlah RM100. Selain itu, Artikel 42 Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat menghendaki Mesyuarat Agung diadakan selaras dengan kehendak peruntukan dalam Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati kali terakhir Syarikat mengadakan Mesyuarat Agungnya adalah pada tahun 2004. Pada tahun 2008, Syarikat dikenakan kompaun RM2,100 oleh SSM atas kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 kerana gagal mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun bagi tahun 2005 hingga 2007.

Pada pendapat Audit, tadbir urus Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat tidak mempunyai garis panduan, polisi atau prosedur kerja yang merupakan teras utama tadbir urus Syarikat yang baik.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat diuruskan dengan cekap dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan teratur, Syarikat disyorkan supaya mengambil tindakan-tindakan berikut:

8.5.1. Yayasan dan Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah memainkan peranan dengan lebih aktif mengawasi dan menilai pengurusan operasi Syarikat diuruskan dengan cekap;

8.5.2. Peraturan dan polisi kutipan yuran hendaklah disediakan bagi mengelakkan masalah tunggakan yuran menjadi lebih serius. Tindakan memastikan setiap pelajar yang ditawarkan tempat belajar di IPTIPs mendapat pembiayaan kewangan boleh mengurangkan risiko tunggakan kutipan yuran.

8.5.3. IPTIPs hendaklah mengkaji semula kursus yang kurang mendapat sambutan dan menawarkan kursus yang lebih relevan dengan kehendak pasaran semasa.

8.5.4. IPTIPs hendaklah memperkasa kaedah pemasaran selain daripada meneruskan dan mempergiatkan promosi sedia ada dalam usaha meningkatkan bilangan kemasukan pelajar baru.

8.5.5. Memastikan sistem tadbir urus di IPTIPs diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi memantapkan kepimpinan dan membudayakan sifat profesionalisme di kalangan ahli akademik supaya dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang.

8.5.6. Yayasan hendaklah menjalankan pemantauan yang lebih berkesan terhadap syarikat subsidiari demi menjaga kepentingan Kerajaan.

8.5.7. Syarikat hendaklah menyediakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang lengkap. Kawalan dalaman yang mencukupi juga hendaklah diwujudkan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi.

8.5.8. Pihak Syarikat hendaklah berusaha menyediakan prasarana dan kemudahan yang terbaik bertujuan untuk menarik perhatian pelajar dan ibubapa bagi memastikan IPTIPs mampu bersaing dengan IPTS yang lain.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

9. PENS INDUSTRIES SDN. BHD.

9.1. LATAR BELAKANG

Pens Industries Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dan beroperasi di KM 5, Jalan Bukit Ayer, Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis. Nama asal Syarikat adalah Unisandals (Malaysia) Sdn. Bhd. sebelum ditukar nama kepada Pens Industries Sdn. Bhd. pada 15 Disember 1989. Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 5 Mac 1986 dengan modal berbayar RM2.99 juta. Syarikat memulakan operasinya pada 11 Januari 1991 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta. Kegiatan utama Syarikat adalah menjalankan perusahaan kuari batu dan pengeluaran batu baur (*aggregate*), asphalt (*premix*) serta menjalankan projek penurapan jalan. Keluasan operasi kuari yang terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Bintang adalah 40.3 hektar. Syarikat mempunyai Ahli Lembaga Pengarah seramai 5 orang terdiri daripada YAB Menteri Besar sebagai pengerusi dan ahli-ahli iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Operasi harian Syarikat diuruskan oleh seorang Pengurus Besar dan seorang Timbalan Pengurus Besar. Sehingga bulan Februari 2011, Syarikat mempunyai pekerja seramai 65 orang yang terdiri daripada 20 pekerja tetap dan 45 pekerja kontrak.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

9.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat. Aspek yang ditekankan ialah Prestasi Kewangan; Pengurusan Aktiviti; Pengurusan Kewangan; Tadbir Urus Korporat; dan Pemantauan Oleh Kerajaan Negeri/Perbadanan. Kaedah yang dijalankan adalah dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan; temubual dengan pihak pengurusan dan kakitangan; pemeriksaan fizikal peralatan dan aset; analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend terhadap maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh tiga tahun; dan lawatan ke tapak projek/aktiviti.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati pada amnya pengurusan Pens Industries Sdn. Bhd. adalah baik. Penyata kewangan Syarikat telah diaudit setakat tahun 2010. Penyata kewangan Syarikat tahun 2010 yang telah diaudit menunjukkan Syarikat mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM2.67 juta. Penilaian terhadap prestasi kewangan Syarikat bagi tahun semasa berbanding tahun sebelumnya melalui analisis nisbah seperti nisbah kecairan, keuntungan, kestabilan dan kecekapan menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat adalah stabil. Pengurusan aktiviti Syarikat bagaimanapun menunjukkan beberapa kelemahan dalam tadbir urus syarikat. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

9.4.1. Prestasi Kewangan

Penyata kewangan merupakan asas bagi menganalisis prestasi kewangan dan kedudukan sesebuah syarikat. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah meneliti dan mendalami penyata kewangan bagi menentukan kedudukan kewangan syarikat berada dalam keadaan baik dan teguh. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan Syarikat mendapati perkara berikut:

9.4.1.1. Analisis Trend

- a. Syarikat mencatatkan paras tertinggi keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 berjumlah RM4.58 juta, berbanding RM3.51 juta pada tahun 2010 dan RM2.44 juta pada tahun 2008. Keuntungan tertinggi yang dicatatkan Syarikat pada tahun 2009 ini disebabkan peningkatan dalam jumlah pendapatan dan penurunan perbelanjaan operasi dan pentadbiran berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Syarikat pada tahun 2009 meningkat RM1.27 juta atau 8% dan penurunan dalam perbelanjaan berjumlah RM0.87 juta atau 6%. Pada tahun 2010, keuntungan sebelum cukai Syarikat telah menurun RM1.07 juta atau 24% disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan berjumlah RM2.18 juta atau 16%.
- b. Pendapatan utama Syarikat diperoleh hasil daripada jualan *aggregate* dan *premix* serta penurapan jalan. Pendapatan Syarikat pada tahun 2008 berjumlah RM16.96 juta, meningkat kepada RM18.23 juta pada tahun 2009 dan seterusnya kepada RM19.34 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan sejumlah RM1.27 juta atau 8% pada tahun 2009 dan RM1.11 juta atau 6% pada tahun 2010 adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah permintaan kepada *aggregate* dan *premix* selain peningkatan harga pasaran bagi setiap tan pengeluaran. Pada tahun 2008, pengeluaran bahan batuan Syarikat sebanyak 0.35 juta tan, meningkat kepada 0.37 juta tan pada tahun 2009 dan 0.49 juta tan pada tahun 2010. Secara purata, harga bagi setiap tan pengeluaran bahan batuan pada tahun 2008 adalah RM48.02 berbanding RM49.11 pada tahun 2009 dan RM38.99 pada tahun 2010.


- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan Syarikat pula mendapati berlaku penurunan perbelanjaan pada tahun 2009. Pada tahun 2008, perbelanjaan Syarikat berjumlah RM14.52 juta, menurun RM0.87 juta atau 6% kepada RM13.65 juta pada tahun 2009 dan kembali meningkat RM2.18 juta atau 16% kepada RM15.83 juta pada tahun 2010. Penurunan dalam jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 disebabkan Syarikat mengurangkan kebergantungannya kepada penyewaan peralatan dan jentera untuk memproses *aggregate* dan *premix*. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Syarikat telah membelanjakan sejumlah RM2.30 juta untuk membeli peralatan dan jentera yang berkaitan. Pada tahun 2008, perbelanjaan penyewaan peralatan dan jentera berjumlah RM1.08 juta, menurun kepada RM16,266 pada tahun 2009 dan seterusnya kepada RM12,990 pada tahun 2010. Pertambahan dalam peralatan dan jentera telah juga meningkatkan kos penyenggaraannya dari RM0.81 juta pada tahun 2008 kepada RM0.87 juta pada tahun 2009 dan RM0.98 juta pada tahun 2010. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan yang diperoleh Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.1** dan **Carta 8.1**.

Jadual 8.1
Maklumat Kewangan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010


Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	16.66	18.09	19.26
<i>Tolak : Perbelanjaan Operasi</i>	(13.18)	(12.36)	(14.36)
Untung Kasar	3.48	5.73	4.90
Pendapatan Lain	0.30	0.14	0.08
<i>Tolak : Perbelanjaan Pentadbiran</i>	(1.31)	(1.28)	(1.46)
Untung Daripada Operasi	2.47	4.59	3.52
<i>Tolak : Kos Kewangan</i>	(0.03)	(0.01)	(0.01)
Untung Sebelum Cukai	2.44	4.58	3.51
<i>Tolak : Cukai</i>	(0.65)	(1.14)	(0.84)
Untung Selepas Cukai	1.79	3.44	2.67

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

Carta 8.1
Keuntungan Selepas Cukai Dan Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit secara keseluruhannya kedudukan kewangan Syarikat adalah baik. Syarikat masih mengekalkan keuntungan walaupun mengalami penurunan ekoran peningkatan dalam perbelanjaan operasi.

9.4.1.2. Penilaian Terhadap Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan merupakan asas bagi menganalisis prestasi kewangan dan kedudukan sesebuah syarikat. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah meneliti dan mendalami penyata kewangan bagi memastikan kedudukan kewangan Syarikat berada dalam keadaan baik dan teguh. Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 menghendaki Pengarah menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan. Seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 menghendaki Penyata Tahunan Syarikat yang ditandatangani oleh Pengarah atau Pengurus Syarikat, dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam masa satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Kegagalan mematuhi undang-undang boleh mengakibatkan setiap Lembaga Pengarah secara peribadi dikenakan penalti penjara 5 tahun atau denda RM30,000 seperti yang dinyatakan di Seksyen 171 Akta Syarikat 1965. Pengauditan yang dijalankan mendapati Syarikat telah mengemukakan kepada SSM penyata kewangan tahun 2009 manakala penyata kewangan tahun 2010 telah selesai diaudit oleh juruaudit bertauliah dan dikeluarkan Sijil Audit Bersih. Tarikh pembentangan penyata kewangan tahun 2009 di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ialah pada 30 Jun 2010.

Pada pendapat Audit pembentangan penyata kewangan dan Laporan Pengarah seperti yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 telah dipatuhi dengan sewajarnya.

9.4.1.3. Analisis Kewangan

a. Analisis Aliran Tunai

- i. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan Syarikat menjanakan tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Analisis aliran tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan sesebuah syarikat untuk menampung operasi bagi sesuatu tempoh. Ia menggambarkan kedudukan pertambahan atau pengurangan tunai pada tahun semasa. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 mendapati punca terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Aliran Tunai Syarikat Bagi Tempoh Tahun 2008 hingga 2010

Bil.	Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Aliran Tunai Masuk Daripada Aktiviti Operasi	0.51	3.55	0.77
2.	Aliran Tunai Keluar Daripada Aktiviti Pelaburan	(1.21)	(0.14)	(0.60)
3.	Aliran Tunai Keluar Daripada Aktiviti Kewangan	(0.17)	(0.17)	(0.01)
4.	Peningkatan / (Pengurangan) Bersih Tunai Dan Setara Tunai	(0.87)	3.24	0.16
5.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	4.91	4.04	7.28
6.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	4.04	7.28	7.44

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- ii. Analisis aliran tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 menyaksikan, pada tahun 2009 tunai masuk yang dijana daripada Aktiviti Operasi meningkat secara ketara berbanding tahun 2008 berikutan keuntungan sebelum cukai Syarikat meningkat kepada RM4.58 juta berbanding RM2.44 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan jualan *aggregate* dan *premix* selain pendapatan daripada projek penurapan jalan. Bagaimanapun, pada tahun 2010, aliran tunai masuk dari Aktiviti Operasi menurun sejumlah RM2.78 juta kepada RM0.77 juta berbanding RM3.55 juta pada tahun 2009 berikutan peningkatan dalam kos jualan dan perbelanjaan pentadbiran.
- iii. Penggunaan tunai bagi aktiviti pelaburan adalah tinggi pada tahun 2008 didorong oleh pembelian aset dan perbelanjaan harta modal berjumlah RM1.31 juta untuk menggantikan mesin dan jentera yang disewa bagi kegunaan operasi kuari. Pada tahun 2009, aliran tunai keluar dari aktiviti pelaburan menurun kepada RM0.14 juta disebabkan aliran tunai masuk hasil daripada penjualan saham dalam syarikat subsidiari berjumlah RM0.70 juta.

Pada pendapat Audit aliran tunai masuk Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah baik. Aliran tunai Syarikat dalam keadaan positif dengan menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.

b. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat dengan lebih jelas, analisis nisbah kewangan dijalankan seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2008	2009	2010
1.	Nisbah Semasa	3.87:1	4.56:1	5.22:1
2.	Margin Untung Bersih	15%	25%	18%
3.	Pulangan Ke Atas Aset	0.13:1	0.20:1	0.14:1
4.	Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.17:1	0.25:1	0.16:1

Sumber : Analisis Audit

i. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Berdasarkan nisbah semasa, kedudukan kewangan Syarikat adalah stabil kerana nilai aset semasa adalah melebihi nilai liabiliti semasa. Pada tahun 2010, Nisbah Semasa Syarikat adalah pada kadar 5.22 berbanding 4.56 pada tahun 2009 dan 3.87 pada tahun 2008. Peningkatan nisbah tersebut menunjukkan keupayaan Syarikat membayar hutang semasa semakin meningkat.

ii. Margin Untung Bersih

Nisbah menunjukkan keberkesanan aktiviti urusniaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah, lebih berkesan aktiviti yang dijalankan bagi menjana keuntungan. Semakin tinggi margin bermakna Syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Syarikat memperolehi keuntungan bersih sebelum cukai berjumlah RM2.44 juta pada tahun 2008 menjadikan Margin Untung Bersih pada kadar 15%. Untung bersih sebelum cukai meningkat kepada RM4.58 juta pada tahun 2009 menjadikan Margin Untung Bersih Syarikat telah meningkat kepada 25%. Bagaimanapun, pada tahun 2010, untung bersih sebelum cukai menurun kepada RM3.51 juta menjadikan Margin Untung Bersih turut menurun kepada 18%. Peningkatan nisbah margin untung bersih pada tahun 2009 dan 2010 berbanding tahun 2008 menunjukkan peningkatan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan Syarikat dalam menjana keuntungan.

iii. Pulangan Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana menunjukkan Syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Nisbah Pulangan Atas Aset meningkat pada tahun 2009 kepada 0.20 berbanding 0.13 pada tahun 2008 disebabkan keuntungan hasil daripada pertambahan aktiviti serta projek yang dijalankan iaitu operasi kuari batu dan projek penurapan jalan. Keuntungan ini juga disebabkan oleh pembelian mesin dan jentera untuk kegunaan operasi bertujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran. Pada tahun 2010, Syarikat mencatatkan Pulangan Atas Aset berjumlah RM0.14, menyaksikan penurunan sebanyak RM0.06 berbanding tahun 2009. Penurunan ini didorong oleh peningkatan dalam kos pengeluaran sebanyak RM2.0 juta atau 16% berbanding tahun 2009.

iv. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Peraturan nisbah pulangan atas ekuiti pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan disebabkan oleh pertambahan aktiviti pengeluaran. Bagaimanapun, nisbah pulangan atas ekuiti kembali menurun pada tahun 2010 iaitu kepada 0.16 berbanding 0.25 pada tahun 2009. Ini didorong oleh penurunan untung bersih akibat peningkatan kos operasi Syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah baik. Syarikat mencatatkan keuntungan pada kadar yang baik bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Nisbah kewangan juga didapati baik.

9.4.2. Pengurusan Aktiviti


Objektif utama penubuhan Syarikat adalah menjalankan perusahaan pengeluaran dan jualan *aggregate*, *premix* dan konkrit *U-Drain*. Syarikat juga menjalankan kerja penurapan jalan di seluruh Negeri Perlis. Keluasan keseluruhan kawasan kuari adalah 40.3 hektar.

9.4.2.1. Pengeluaran *Aggregate* Dan *Premix*

Aktiviti sesebuah syarikat hendaklah berasaskan kepada akta tubuh, dasar dan arahan Kerajaan serta keputusan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan pihak pengurusan Syarikat tidak menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan keputusan Lembaga Pengarah, dasar serta arahan Kerajaan.

- a. Semakan Audit mendapati aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat adalah selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Semakan juga mendapati, bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, pengeluaran *aggregate* dan *premix* meningkat pada setiap tahun. Kapasiti pengeluaran *aggregate* pada tahun 2009 dan 2010 meningkat kepada 258,708 tan dan 384,156 tan berbanding 254,122 tan pada tahun 2008. Pengeluaran *premix* bagi tahun 2009 dan 2010 adalah 109,670 tan dan 109,569 tan berbanding 92,840 tan pada tahun 2008. Peningkatan pengeluaran didorong oleh pertambahan mesin serta jentera seperti lori *dumper*, *excavator* dan *hydraulic breaker*. Seiring dengan peningkatan pengeluaran dan jualan *aggregate* pada tahun 2008 hingga 2010, Syarikat telah membuat pembayaran royalti *aggregate* kepada Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM1.72 juta dalam tempoh tersebut. Prestasi pengeluaran *aggregate* dan *premix* bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 8.2** manakala contoh aktiviti Syarikat ditunjukkan di **Gambar 8.1 hingga 8.4**.

Carta 8.2
Prestasi Pengeluaran Aggregate Dan Premix
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber : Rekod Syarikat.

Gambar 8.1
Loji Crusher
Pengangkutan Batu Melalui Sistem Conveyor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Kuari, Pens Industries Sdn. Bhd.
 Tarikh : 26 Januari 2011

Gambar 8.2
Loji Asphalt
Bekalan Premix Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Kuari, Pens Industries Sdn. Bhd.
 Tarikh : 26 Januari 2011

Gambar 8.3
Operasi Muka Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari, Pens Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 26 Januari 2011

Gambar 8.4
Kerja-Kerja Penggerudian Menggunakan Crawler Drill Untuk Proses Meletupkan Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari, Pens Industries Sdn. Bhd.
Tarikh: 26 Januari 2011


- b. Pendapatan Syarikat daripada operasi kuari bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 meningkat daripada RM11.08 juta pada tahun 2008 kepada RM16.03 juta pada tahun 2009 dan RM16.60 juta pada tahun 2010. Projek penurapan juga turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan Syarikat iaitu sejumlah RM5.58 juta pada tahun 2008, RM2.06 juta pada tahun 2009 dan RM2.65 juta pada tahun 2010. Pendapatan Syarikat daripada operasi kuari dan kontrak penurapan jalan adalah seperti di **Jadual 8.4** dan **Carta 8.3**.

Jadual 8.4
Pendapatan Operasi Kuari Dan Penurapan Jalan
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Operasi Kuari		Kontrak Penurapan Jalan	
	Pengeluaran (Tan)	Pendapatan (RM Juta)	Pengeluaran (Tan)	Pendapatan (RM Juta)
2008	254,122	11.08	92,840	5.58
2009	258,708	16.03	109,670	2.06
2010	384,156	16.60	109,569	2.65

Sumber: Rekod Syarikat

Carta 8.3
Prestasi Pendapatan Daripada Operasi Kuari Dan Penurapan Jalan
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Rekod Syarikat

- c. Semakan Audit juga mendapati Syarikat masih belum berdaftar sebagai kontraktor dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan dengan itu terpaksa bergantung penuh kepada lesen kontraktor beberapa syarikat subsidiari Kumpulan terutamanya Syarikat Modern Spectrum Sdn. Bhd. dan Pens Holding Sdn. Bhd. di mana Syarikat perlu membayar komisen 3% daripada jumlah kontrak yang diperoleh kepada syarikat berkenaan.

9.4.2.2. Pembelian Loji dan Peralatan

Pengurusan Operasi yang cekap memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai. Syarikat hendaklah mempunyai sistem perancangan bagi melaksanakan aktiviti dan projek bertujuan mempertingkatkan kecekapan operasi dan output selain mengurangkan kos operasi. Syarikat memiliki loji crusher dan loji asphalt serta beberapa jentera dan mesin, antaranya *crawler drill*, *dumper*, *excavator* dan *shovel* bagi melaksanakan operasi kuari. Pada tahun 2008, sejumlah RM1.08 juta telah dibelanjakan oleh Syarikat untuk menyewa beberapa mesin dan jentera kerana kekurangan peralatan dan jentera. Bagaimanapun, pada tahun 2009 dan 2010, kos sewaan menyusut kepada RM16,266 dan RM12,990 disebabkan pembelian peralatan baru dan juga terpakai. Antara peralatan yang dibeli ialah lori *dumper*, *excavator*, *hydraulic breaker*, *compressor* dan *forklift* melibatkan kos sejumlah RM2.30 juta. Tindakan Syarikat membeli peralatannya sendiri telah menjimatkan kos sewaan mesin dan jentera sejumlah RM1.07 juta pada tahun 2009 berbanding tahun 2008.

9.4.2.3. Kajian Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA)

- a. Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA), 1974 (Akta 127) telah digubal untuk mengawal perundangan alam sekitar di Malaysia dalam mentadbir, menguatkuasa dan mengawasi garis panduan alam sekitar di samping mencegah dan mengawal kesan-

kesan ke atas alam sekitar. Perundangan alam sekitar di bawah EQA, 1974 yang berhubung kait dengan projek industri berat ini adalah seperti berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
 - ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
 - iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985;
 - iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987;
 - v. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987;
 - vi. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005; dan
 - vii. Akta Kilang dan Jentera, 1967.
- b. Semakan Audit mendapati Syarikat telah mematuhi dengan sewajarnya Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA), 1974 (Akta 127) yang berkuat kuasa dengan menjalankan kajian teknikal kuari. Juruperunding bertauliah juga telah dilantik untuk menjalankan kajian dan menyediakan laporan EIA sebagaimana dikehendaki.

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti Syarikat adalah memuaskan. Peningkatan dalam pengeluaran dan jualan *aggregate* serta *premix* telah menyumbang kepada peningkatan dalam keuntungan Syarikat.

9.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses bagaimana Syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, telah menekankan prinsip dan amalan terbaik antaranya penstrukturan, bidang kuasa dan aspek akauntabiliti dan Audit. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Program Transformasi GLC telah dilancarkan oleh Kerajaan sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh GLC bagi meningkatkan prestasi syarikat. Adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan untuk memastikan syarikat subsidiari mematuhi semua Pekeliling Kerajaan yang berkaitan dan juga mempunyai dasar dan prosedur operasi yang munasabah. Antara penemuan audit berhubung tadbir urus adalah seperti berikut:

9.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh Syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian Syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai. SOP yang lengkap akan menjelaskan proses kerja, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja antara pegawai. Sehubungan dengan itu, adalah

menjadi kewajiban Syarikat mengeluarkan garis panduan serta prosedur untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Antaranya berhubung dengan aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, perolehan, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. SOP juga bertujuan menyokong pencapaian matlamat penubuhan Syarikat kerana ia memberi penjelasan terhadap prosedur dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Garis panduan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Setiap pekerja Syarikat hendaklah dimaklumkan akan kewujudan SOP dan diberi sesalinan bertujuan memastikan pematuhan terhadap perundangan, peraturan, standard dan polisi. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, Syarikat masih belum mempunyai SOP berhubung pengurusan kewangan, perakaunan, perolehan dan juga aset. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa *Financial Operating Procedures (FOP)* sedang dalam proses penyediaan oleh pihak swasta yang dilantik. Syarikat memaklumkan bahawa FOP telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan telah diguna pakai. Untuk penyediaan SOP, kelulusan Lembaga Pengarah diperlukan memandangkan kos bayaran penyediaan SOP yang tinggi selain pemilihan syarikat yang bersesuaian.

9.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara bersama bagi semua keputusan Lembaga dan semua kegiatan Syarikat. Menjadi kewajiban setiap Ahli Lembaga Pengarah untuk hadir dan mengambil bahagian dalam perbincangan mesyuarat Lembaga. Ketidakhadiran seseorang Ahli atau kegagalan seseorang Ahli mengambil bahagian di dalam perbincangan mesyuarat Lembaga tidak melepaskan Ahli itu dari bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat oleh mesyuarat berkenaan. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah bermesyuarat sekali setiap 3 bulan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati semua Ahli telah hadir pada setiap kali mesyuarat diadakan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat yang disediakan mendapati laporan berhubung prestasi kewangan dan juga perjalanan operasi Syarikat telah dibentang dan dibincangkan. Pada tahun 2008 dan 2010, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali manakala pada tahun 2009 sebanyak 3 kali.

9.4.3.3. Mesyuarat Agung

Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki Syarikat mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun dan tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung yang lepas. Bagaimanapun, Syarikat boleh memohon daripada Pendaftar Syarikat untuk melanjutkan tempoh mengadakan Mesyuarat Agung atas alasan tertentu. Keingkaran mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan akan dikenakan penalti sejumlah RM5,000 manakala penalti ingkar sejumlah RM100. Selain itu, Artikel 42 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat juga menghendaki Mesyuarat Agung diadakan selaras dengan kehendak peruntukan dalam Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Syarikat telah

mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dengan mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun.

9.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Syarikat menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bertujuan memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham, menentukan sumber kewangan syarikat Kerajaan diurus dengan cekap dan berkesan serta memastikan peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 dipatuhi. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai ahli tidak melebihi 3 orang. Dua daripadanya termasuk Pengerusi mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang Ahli hendaklah terdiri dari orang luar iaitu bukan Pengarah dan bukan dari pengurusan syarikat induk berkenaan atau mana-mana syarikat subsidiari. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali dalam tempoh 3 bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi. Semakan Audit mendapati Syarikat belum menubuhkan Jawatankuasa Audit sebagaimana yang ditetapkan oleh pekeling berkenaan. Bagaimanapun tanggungjawab memastikan keutuhan kawalan dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan. Sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2010, Unit Audit Dalam Perbadanan telah mengaudit Syarikat sebanyak sekali atas arahan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan.

Pada pendapat Audit pada keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat boleh dipertingkatkan dengan mengeluarkan SOP bertujuan mengadakan kawalan dalaman terhadap pendapatan, perbelanjaan dan juga aset.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Syarikat mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

9.5.1. Syarikat berusaha memperkukuhkan lagi prestasi kewangan dengan membuat penanda aras dengan syarikat yang berdaya maju selaras dengan visi dan misi syarikat serta menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh Perbadanan;

9.5.2. Syarikat perlu memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik dan mengemas kini prosedur kerja meliputi pengurusan kewangan serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, Bil. 11 Tahun 1993 dan Bil. 12 Tahun 1993;

9.5.3. Syarikat perlu menyediakan dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang komprehensif dan telah diluluskan mengikut peraturan bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset;

9.5.4. Lembaga Pengarah Perbadanan hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan bagi memastikan semua syarikat subsidiari mematuhi dasar dan peraturan Kerajaan serta Amalan Tadbir Urus Korporat Malaysia; dan

9.5.5. Syarikat disarankan memperoleh lesen kontraknya sendiri tanpa mengharapkan kepada syarikat lain.



BAHAGIAN III PERKARA AM

9. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan melalui Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

9.1 Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009.

9.2 Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2009.

9.3 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis.

10. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009.

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009, sejumlah 23 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 12 syor bagi tahun 2009. Bagi 11 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti di **Jadual 10.1**. Sehubungan ini, Jabatan/Agensi yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

Jadual 10.1
Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi bagi tahun 2009

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR - Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Pembersihan Serta Kesan Terhadap Alam Sekitar		
1.	Bau Dari Air Larut Resapan	Masalah yang sama masih berlaku.
2.	Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Tidak Dijalankan Terhadap Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding.	Kajian EIA masih belum dijalankan kerana caj bagi perkhidmatan perunding adalah tinggi. Oleh itu pihak Majlis tidak berkemampuan untuk menanggung kos tersebut.
3.	Lokasi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding Tidak Sesuai.	Kerajaan Negeri telah mengenal pasti satu lokasi di Rimba Mas yang berkeluasan 29.87

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		hektar sebagai tapak pelupusan baru dan mempunyai zon penampungan (<i>buffer zone</i>) yang mencukupi.
4.	Kelulusan Pembinaan Loji Rawatan Air Larut Resapan Tidak Diperoleh.	Tiada permohonan dibuat oleh Majlis kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar.
5.	Ujian Kualiti Air Dan <i>Effluen</i> Tidak Dilaksanakan.	Majlis tiada kemampuan dari segi teknikal serta kemudahan makmal yang bersesuaian untuk menjalankan ujian berkenaan.
6.	Kemudahan Membersih Tayar Kenderaan (<i>Washing Bay</i>) Tidak Disediakan	Kemudahan Membersih Tayar Kenderaan (<i>Washing Bay</i>) masih belum disediakan.
7.	Sisa Pepejal Tidak Ditimbus Dengan Tanah.	Majlis menghadapi kekangan dari segi kewangan bagi menimbus sisa pepejal dengan tanah.
8.	<i>Advanced Cell</i> Tidak Mencukupi	Majlis menghadapi kekangan dari segi kewangan bagi membina <i>advanced cell</i> yang baru.
JABATAN KERJA RAYA, JABATAN PEMBANGUNAN NEGERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS		
- Kajian Pembinaan Penempatan Di Kurong Tengar, Kuala Perlis, Perlis		
9.	Bangunan siap tidak digunakan	Bangunan telah disewakan kepada UniMAP pada 1 April 2011. Bagaimanapun Perjanjian Sewaan antara UniMAP dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri belum ditandatangani.
10.	Kontraktor elektrik membuat tuntutan bayaran terlebih tuntut berjumlah RM2,200 dibawah peruntukan kerja elektrik.	Surat tuntutan balik amaun terlebih bayar telah dibuat pada 13 Ogos 2010 tetapi Jabatan masih belum terima bayaran daripada Kontraktor.
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, JABATAN KERJA RAYA, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DAN JABATAN PERTANIAN NEGERI PERLIS		
- Pengurusan Kenderaan		
11.	Dua buah kenderaan Pertanian dan sebuah kenderaan JPV rosak masih belum dilupuskan.	Kenderaan JPV telah dilupuskan. Manakala dua buah kenderaan Pertanian belum dilupus.

Sumber: Jabatan Audit Negara

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERLIS TAHUN 2009

Menurut Seksyen 16(2) Akta Tatacara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 Disember 2010.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak 3 kali. Sehingga 30 April 2011, Jawatankuasa telah bermesyuarat sekali bagi mendengar taklimat pengurusan banjir tahun 2010 dan 2011 yang dibentangkan oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Unit Pentadbiran Daerah. Selain membincangkan isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan untuk memberikan taklimat terhadap program dan aktiviti utama Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan berkenaan. Lawatan ke tapak projek juga turut menjadi amalan Jawatankuasa bagi mengenal pasti permasalahan yang wujud. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji kes lama yang belum selesai dan memastikan syor daripada Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

13 Mei 2011